

MENGGANTI IBU

Menjadi Lilin

Antologi Puisi Esai Mini Sabah



Pengantar:

Jasni Matlani & Denny JA

Nelson Sumail, Silvester Rovaldo Jr Sunny, Wong Yan Shu
Nurul Asyiqin Zamri, Nurul Natashah Mahir, Nirah Wahyuni Juara, Fatimah Minggu,
Maria Tan Chia Ying, Norhatirah Marjik, Muhd Hanif, Imran Sabir

MENGGANTI IBU

Menjadi Lilin

Antologi Puisi Esai Mini Sabah

Pengantar:

Jasni Matlani & Denny JA

Nelson Sumail, Silvester Rovaldo Jr Sunny, Wong Yan Shu
Nurul Asyiqin Zamri, Nurul Natashah Mahir, Nirah Wahyuni Juara,
Fatimah Mingu, Maria Tan Chia Ying, Norhatirah Marjik,
Muhd Hanif, Imran Sabir, Jasni Matlani

MENGGANTI IBU MENJADI LILIN

Antologi Puisi Esai Mini Sabah

Pengantar :

Jasni Matlani & Denny JA

Penulis:

Nelson Sumail, Silvester Rovaldo Jr Sunny, Wong Yan Shu,
Nurul Asyiqin Zamri, Nurul Natashah Mahir, Nirah Wahyuni Juara,
Fatimah Minggu, Maria Tan Chia Ying, Norhatirah Marjik,
Muhd Hanif, Imran Sabir, Jasni Matlani

ISBN: 978-1-966391-15-9

Diterbitkan pertama kali oleh:

Cerah Budaya International, LLC
1603 Capitol Ave Ste 415 #670364 Cheyenne, Wyoming, USA

Hak cipta dilindungi oleh undang-undang.

Dilarang memperbanyak sebagian atau isi buku ini tanpa izin tertulis.



KATA PENGANTAR

KAKAK ASUH

Saya telah melaksanakan bengkel penulisan ‘Anak asuh’ untuk Sabah dan Malaysia amnya, pada tanggal 17 September 2024 di Hotel Shangri-La Kota Kinabalu. Walaupun ramai yang hendak menyertainya, tetapi saya hanya memilih seramai sepuluh orang adik asuh untuk menyertai bengkel berkenaan. Lima orang dari Institut Pendidikan Guru, (IPG) Kampus Gaya, Kota Kinabalu, dua orang dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan dua orang dari Kolej Yayasan Sabah, Kota Kinabalu dan seorang lagi daripada Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) yang juga masih menuntut di IPG Kampus Gaya. Saya memilih lebih ramai dari IPG Kampus Gaya, kerana mereka ini bakal guru, selepas tamat pengajian, mereka ini akan keluar dan menjadi guru di mana-mana. Maka saya berharap mereka akan menjadi kader, walisongo yang akan menyebarkan puisi esei di mana sahaja apabila mereka sudah mengajar nanti. Bagi memastikan mereka ini terus mengingati dan berkomitmen terhadap puisi esei, saya akan membuat satu lagi bengkel penulisan puisi esei untuk mereka dan juga anak muda yang lain, selepas saya pulang dari kunjungan di kota London dan Paris ini. InsyaAllah!

Saya telah memberikan panduan yang sebaik-baiknya untuk mereka menulis puisi esei dan alhamdulillah mereka sangat mudah memahami, menerima dan menulis puisi esei mengikut tempoh masa yang saya telah tetapkan. Malah semasa bengkel juga saya meminta mereka menulis puisi esei dan ternyata mereka mampu menulis puisi esei dengan baik. Saya kagum dengan minat dan komitmen yang mereka tunjukkan. Tetapi saya juga percaya mereka mesti berterusan

terdedah kepada puisi esei dan sastera secara keseluruhannya. Jika tidak, mereka akan hilang daripada peta puisi esei. Mereka akan meninggalkan puisi esei. Sebab itu saya terus mengadakan pelbagai acara, mengadakan pertandingan atau lomba untuk puisi esei, festival puisi esei, majlis baca puisi esei, seminar puisi esei, bengkel penulisan puisi esei di mana-mana, bawa puisi esei ke universiti, menggalakkan sesiapa sahaja membuat kajian dan penyelidikan mengenai puisi esei pada peringkat sarjana dan kedoktoran (doktor falsafah). Malah, saya sendiri memberi contoh. Saya mahu menjadikan puisi esei sebagai sains puisi esei, supaya orang sentiasa ingat dan tidak lupa akan puisi esei. Jika tidak demikian, percayalah, puisi esei akan berkubur dan dilupakan zaman.

Saya berterima kasih kepada Bapak Denny JA kerana merintis puisi esei ini. Saya tidak peduli pandangan pro dan kontranya. Dalam kehidupan yang singkat ini saya hanya bekerja untuk puisi esei dan sastera. Jangan sia-siakan waktu dengan perkara yang remeh-temeh dan popular. Puisi esei adalah bahagian daripada budaya *high culture* yang berada di tempatnya yang terhormat, dan bukan *pop culture* yang terdedah dengan pelbagai gossip dan hiburan. Bukan! Walaupun kedua-dua budaya itu bahagian daripada teori *soft power* atau Kuasa Insani oleh Joseph Nye, tetapi ingat puisi esei adalah bahagian daripada budaya *high culture*, hasil kesusasteraan yang terhormat dan bukan diperlekeh atau disendaguraukan. Puisi esei sama tarafnya dengan karya Jalaludin Rumi, Iqbal, Pablo Neruda, William Shakespeare, Goethe atau sesiapa sahaja yang tersohor, tergantung kepada siapa penulis puisi esainya. Penulis puisi esei itu mungkin lahir sekarang, tetapi tidak mustahil juga lahir daripada anak asuh ini atau para penulis puisi esei yang lahir di kemudian hari. Tetapi puisi esei mesti terus hidup, berkembang dan kita sekarang mesti meletakkan asasnya yang kukuh. Seperti bangunan-bangunan kukuh yang saya lihat di kota London dan Paris. Mereka membina bangunan yang tahan untuk seribu tahun, dengan batu bata yang kukuh dan peralatan membuat rumah dan bangunan yang tahan diuji zaman. Bukan bangunan yang hanya tahan untuk serratus tahun

dan kemudian roboh dan digantikan oleh bangunan baharu yang lain. Kita mesti mahu membina fondasi yang kukuh untuk puisi esei jika kita mahu diingat dan dicatat dalam sejarah.

Anak-anak asuh yang kita pilih ini ialah waris kita, yang akan meneruskan puisi esei ini. Bukan main-main. Mereka adalah 10 anak muda yang dimahukan Soekarno untuk menggoncang dunia. Jika kita hanya mahu melahirkan 10 anak muda yang lemah. Maka lupakan sahaja cita-cita kita. Puisi esei tidak memerlukan itu. Puisi esei memerlukan anak muda yang semangatnya membara. Pemikirannya terbangun daripada cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi. Kata Jalaluddin Rumi, dengan cinta akan kujadikan duri jadi mawar. Tidak mengapa orang menganggap puisi esei itu sekarang sebagai sejumlah duri, tetapi di kemudian hari puisi esei akan menjadi mawar yang dicintai oleh semua orang. Harumnya sentiasa disembur pada jasad manusia, tetapi maknanya akan meresap jauh ke dalam nubari dan lubuk terdalam hati manusia.

Selamat untuk anak-anak muda dan angkatan puisi esei yang akan membawa obor puisi esei yang menyala ke persada dunia.

DATUK JASNI MATLANI

Penerima SEA Write Award 2015



KATA PENGANTAR **DENNY JA**

Ketika 181 Kreator Milenial dan Gen Z, dari Aceh Hingga Papua, Bersaksi Melalui Puisi Esai

“Menulis adalah sebuah cara untuk mendengar suara yang tak terdengar, merangkul yang tak terjamah, dan melihat yang tersembunyi di balik keramaian.”

Dalam sunyi, ketika kata demi kata terangkai, tercipta sebuah jembatan yang menghubungkan kita dengan diri terdalam, dengan sesama, dan dengan dunia yang terus berubah.

Kutipan ini mengajak kita memasuki dunia sastra yang lebih dari sekadar tulisan; ia adalah jiwa yang menyuarakan keheningan, ketakutan, harapan, dan mimpi.

Khususnya bagi generasi milenial dan Gen Z, menulis adalah cara untuk merekam jejak pemikiran mereka di tengah arus digital yang terus berlalu.

Di era yang sering kali didominasi oleh kilasan informasi cepat dan gambar-gambar instan, puisi esai hadir sebagai media yang mendalam, mengajak mereka berhenti sejenak, merenung, dan menyuarakan kisah dari sudut pandang mereka sendiri.

Renungan ini yang teringat ketika saya ikut mengelola sekitar 181 kreator, berusia 25 tahun ke bawah, dari Aceh hingga Papua, bahkan juga dari Malaysia, Singapura, Thailand hingga Kairo, mengekspresikan

kesaksian atas isu kemanusiaan, true story, melalui puisi esai.

Menyambut Festival Puisi Esai Jakarta yang kedua, Desember 2024, mereka menuliskan puisi esai dalam 18 buku.⁽¹⁾

Ini kegiatan yang membuat lega karena menulis sastra kini menjadi paradoks. Riset menunjukkan bahwa pembaca sastra cenderung memiliki solidaritas sosial lebih tinggi, tetapi minat membaca sastra menurun.

Menurut National Endowment for the Arts (2015), hanya 43% orang dewasa di AS membaca sastra, turun dari 56% pada 1982.

Menurut data LSI Denny JA di tahun 2024, penduduk Indonesia yang membaca sastra minimal 1 buku tahun lalu, hanya 16 persen.

-000-

Mengapa Sastra, Mengapa Puisi Esai?

Sastra telah menjadi napas sejarah, memperkaya budaya dan menjadi saksi zaman. Bagi generasi milenial dan Gen Z, sastra bukan hanya sekadar ekspresi pribadi, tetapi cara untuk mengukir identitas dan memahami dunia.

Dalam konteks ini, ada tiga alasan kuat mengapa penting mengajak mereka untuk menulis sastra, khususnya puisi esai, yang menjadi ruang kreatif antara puisi dan prosa, menyuarakan isu-isu sosial dengan estetika dan kontemplasi.

Pertama: Menumbuhkan Kepekaan Sosial

Milenial dan Gen Z adalah generasi yang hidup di era kompleks dengan isu-isu global yang semakin nyata.

Masalah hak asasi manusia, ketidakadilan, perubahan iklim, ketimpangan sosial, dan krisis kesehatan mental adalah isu-isu yang dekat dengan mereka.

Informasi yang terlalu banyak sering kali membuat mereka tumpul, kehilangan kepekaan terhadap permasalahan di sekitarnya.

Puisi esai hadir sebagai ruang bagi mereka untuk menyuarakan kepedulian sosial ini dengan cara yang mendalam dan personal.

Dalam menulis puisi esai, mereka tidak hanya mengungkapkan pandangan atau opini, tetapi juga menghidupkan kisah-kisah nyata yang sering kali terabaikan.

Misalnya, seorang pemuda di Aceh menulis tentang memori Gerakan Aceh Merdeka, sementara seorang gadis di Papua menyuarakan tentang harapan untuk pendidikan yang lebih baik.

Dengan menulis puisi esai, mereka belajar untuk tidak hanya melihat isu-isu tersebut dari permukaan, tetapi menyelam lebih dalam, memahami akar masalah, serta merasakan empati terhadap mereka yang terlibat.

Seperti halnya pohon yang tumbuh dari akar yang kuat, kepekaan sosial tumbuh dari pemahaman yang mendalam.

Sastra membantu mereka untuk tidak hanya melihat masalah, tetapi juga merasakannya. Dalam menulis, mereka belajar merangkul cerita orang lain, menjadikannya bagian dari diri, dan tumbuh sebagai individu yang lebih peka terhadap keadaan sekitar.

Kedua: Mengembangkan Diri dan Identitas

Di tengah derasnya arus globalisasi dan digitalisasi, milenial dan Gen Z sering kali merasa terhanyut tanpa pegangan. Identitas menjadi sesuatu yang labil dan mudah terpengaruh.

Sastra, khususnya puisi esai, menjadi media yang memungkinkan mereka untuk mengeksplorasi dan menemukan jati diri mereka. Ketika mereka menulis, mereka memaksa diri untuk merenung, menggali lapisan terdalam dari pikiran dan perasaan.

Puisi esai memberi ruang bagi mereka untuk memadukan refleksi pribadi dengan kisah-kisah sosial yang lebih besar. Mereka diajak untuk mengajukan pertanyaan: “Siapa aku di tengah dunia yang berubah cepat ini? Apa yang penting bagiku?”

Bagaimana aku bisa membawa perubahan melalui tulisan?”

Melalui proses menulis, mereka belajar untuk tidak sekadar mengikuti arus, tetapi menjadi bagian dari perubahan yang mereka inginkan.

Sebagai contoh, seorang milenial yang besar di Jakarta menulis tentang dinamika kehidupan urban yang penuh hiruk-pikuk, tetapi juga merindukan ketenangan dan kesederhanaan.

Sementara itu, seorang pemuda di desa terpencil mengeksplorasi kehidupan yang seolah jauh dari gemerlap dunia, tetapi terobsesi dengan dunia metropolitan karena sering melihatnya di medsos.

Identitas mereka terbentuk melalui kata-kata yang mereka pilih, melalui kisah-kisah yang mereka angkat. Dengan menulis, mereka menemukan suara dan nilai mereka sendiri, tanpa harus terseret oleh arus yang sama.

Ketiga: Menjaga Warisan Budaya dan Menulis Sejarah Baru

Indonesia adalah negeri yang kaya dengan keberagaman budaya, dari Aceh hingga Papua. Dalam era globalisasi ini, kekayaan tersebut semakin terancam oleh homogenisasi budaya global.

Ketika milenial dan Gen Z menulis puisi esai, mereka tidak hanya menulis untuk diri mereka sendiri, tetapi juga melestarikan dan menuliskan kembali sejarah, tradisi, dan nilai-nilai lokal. Mereka menjadi saksi zaman yang mencatat peristiwa, kisah, dan perubahan dari perspektif mereka sendiri.

Puisi esai memberi kesempatan bagi mereka untuk menggabungkan kisah lokal dengan isu global, menciptakan perpaduan unik yang merefleksikan jati diri mereka sebagai generasi masa kini.

Misalnya, seorang pemuda dari Bali menulis tentang tantangan modernisasi di tengah upaya menjaga nilai-nilai spiritual. Atau seorang anak muda dari Sumatra menceritakan tradisi lisan nenek moyangnya yang kian pudar.

Dengan menulis, mereka menjadi penjaga dan penerus budaya. Mereka mencatat perubahan dan mempertahankan nilai-nilai lokal yang berharga.

Seiring waktu, tulisan-tulisan mereka menjadi saksi bisu dari pergeseran sosial, ekonomi, dan budaya, membantu generasi berikutnya memahami perjalanan bangsa ini.

Seperti ukiran pada batu, kata-kata mereka menjadi jejak sejarah, mencatat dunia yang mereka lihat dan rasakan.

-000-

Membangun Masa Depan Melalui Kata-Kata

Di tengah dunia yang semakin kompleks, menulis sastra adalah cara bagi milenial dan Gen Z untuk merangkul diri, memahami dunia, dan memberi makna pada perubahan.

Mereka tidak hanya menulis untuk mengungkapkan diri, tetapi juga untuk menyuarakan generasi mereka yang kaya dengan keberagaman, tantangan, dan mimpi.

Melalui puisi esai, mereka belajar menjadi saksi dan pemimpin masa depan yang lebih peka, lebih bijaksana, dan lebih kuat dalam memahami serta mempengaruhi dunia di sekitar mereka.

Dengan menulis, mereka mengukir jejak di tengah arus digital yang berlalu begitu cepat. Mereka menunjukkan bahwa meski dunia terus bergerak, kita tetap bisa menemukan kedamaian, makna, dan jati diri melalui sastra.

Menulis bukan hanya tentang mengisi halaman kosong; ia adalah perjalanan menuju ke dalam, menuju pemahaman yang lebih dalam tentang dunia dan tentang diri.

Di tangan 181 kreator milenial dan Gen Z ini, dari Aceh hingga Papua, puisi esai bukan sekadar kata-kata. Ia adalah suara generasi, yang menggemakan harapan, kekhawatiran, cinta, melalui kesaksian mereka.

Sebanyak 18 buku puisi esai para milenial dan generasi Z ini segera bisa dibaca online.

Sekecil apa pun, ini bagian meningkatkan minat baca sastra dengan integrasi sastra di media digital. Ia memanfaatkan platform populer

dan format interaktif agar sastra lebih mudah diakses dan relevan bagi generasi muda.

Bagaikan gema lembut di tebing sunyi, puisi esai mereka menyuarakan ketidakadilan, hak asasi, dan kemanusiaan, menembus hati dengan fiksi yang meresap dari kisah hidup yang nyata.***

Jakarta, 14 November 2024

Catatan:

- (1) Menyambut Festival Puisi Esai Jakarta ke-2, tahun 2024, akan diluncurkan total sekitar 39 buku puisi esai yang terbit di Indonesia dan luar negeri

DAFTAR ISI

KATA PENGANTAR KAKAK ASUH	IV
KATA PENGANTAR DENNY JA	VII
DAFTAR ISI	XIII
PUISI ESAI ADIK ASUH	1
Nelson Sumail	
Alamat Terakhir	2
Di Langit Cinta Yang Retak	8
Silvester Rovaldo Jr Sunny	
Percutian Berdarah Di Syurga Tersembunyi	14
Di Awan Terakbhir	21
Wong Yan Shu	
Ying Dalam Kenangan	27
Jejak Adam Dalam Hujan Duka	35
Nurul Asyiqin Zamri	
Kasut Itu Membesar Sesuai Kakiku	42
Riwayat Seorang Pendidik	51
Nurul Natashah Mahir	
Tragedi Di Harijadi	59
Rindu Tak Berpenghujung	65
Nirah Wahyuni Juara	
Selamat Tinggal Dunia	72
Noktah Sewol	79

Fatimah Minggu	
Dalam Ingatan Amani	86
Malaysia Sudah Merdeka	92
Maria Tan Chia Ying	
Halloween Yang Gugur Di Itaewon	98
Mengganti Ibu Menjadi Lilin	106
Norhatirah Marjik	
Tragedi Hitam	115
Petang Jingga	122
Muhd Hanif Imran Sabir	
Rindu Pada Tanah Asal	129
Air Mata Sungai Mekong	137
PUISI ESAI KAKAK ASUH	144
JASNI MATLANI	
Di Mana Jalan Pulang	145
Mencari Al-Karim	152



PUISI ESAI

ADIK ASUH



ALAMAT TERAKHIR



Oleh: Nelson Sumail

(Pada 6 Jun 1976, kapal terbang yang dikendalikan oleh Sabah Air yang datang dari Wilayah Persekutuan Labuan telah terhempas di daerah Sembulan, Kota Kinabalu. Nahas itu telah mengorbankan 11 orang yang berada dalam kapal terbang berkenaan.)

Keirul yang hidup sebatang kara
mengandalkan lautan sebagai punca harapan.
begitulah seorang nelayan muda
yang menjadikan laut
sebagai punca rezekinya.

Setiap pagi, Keirul berlayar ke tengah lautan
di bawah langit biru tanpa awan,
bertarung dengan ombak dan angin,
mengharungi laut yang luas dan dingin.

Keirul tidak mempunyai keluarga
bahkan saudara mara
untuk menumpang kasih dan kebahagiaan.
keadaan ini memaksanya hidup mandiri
mengerah kudrat menjalani kehidupan.

Keirul mengimpikan sebuah rumah
bukan istana yang tersergam
namun cukup buatnya beristirahat.

Rumah itu bukan sekadar tempat bernaung
tetapi lambang usaha
kerja keras dan perjuangan
hasil tangan seorang nelayan yang tabah.

Namun, Keirul seringkali diperlekehkan
oleh orang ramai yang tidak mengerti di sekeliling
mereka melihat impiannya itu
sekadar hangat-hangat tahi ayam
yang tidak lebih daripada sekadar
omong kosong,

Di pinggir pantai, mereka berbisik
mengatakan Keirul gila dan membuang masa.

“Si Keirul itu sudah gila, mana mungkin
seorang nelayan dapat membina rumah.”

Mereka tidak tahu
Keirul sanggup mengikat perut
menahan lapar demi sebuah harapan,
dan impian yang ingin digenggam.

000

Hari berganti hari, siang bertukar malam
dengan lelah dan keringat yang menitis
Keirul membina rumahnya di atas laut
Papan demi papan, paku demi paku
semua hasil jerih payahnya
menjadi tempat berteduh
dari panas dan hujan.

“Inilah usahaku, jika bukan kerana kerajinanku
mana mungkin rumah impianku terbina.
Aku mengharapkan hidup baharu.
Hidup yang selesa di sebuah rumah
yang megah dan indah.”

000

Petang itu, 6 Jun 1976
Ombak beralun dengan damainya
membuatkan Keirul termenung
di atas sampan.

Di tengah laut, dunia terasa aneh
tidak ada gedung pencakar langit
atau hiruk-pikuk kenderaan
yang ada hanya air sejauh mata memandang
bercampur dengan langit di kejauhan.

Tiba-tiba, langit kelam
seakan ditutupi bayang-bayang.
“Besarnya burung itu
apakah itu seekor geroda?” sangkaan Keirul.

Sebuah pesawat seakan-akan burung gergasi
tajam menjunam menuju tepat
ke arah laut berhampiran rumah Keirul.

000

Tepat jam 3:41 petang
disahkan sebuah terhempas di laut
berhampiran rumah Keirul.

Dentuman yang kuat memecah hening petang
burung berterbangan
udara nyaman menjadi rusuh dan hangat.

Keirul bergegas ke tempat kejadian
terlihat serpihan pesawat dan kaca bertaburan.

Orang ramai berkumpul
melihat lautan darah
daripada mangsa terkorban
rasa pilu menyelubungi orang ramai
selepas mengetahui sembilan orang pemimpin
negeri kami yang tercinta telah terkorban.

000

Keirul yang melihat peristiwa itu
bagai jatuh ditimpa tangga.
“Sayu hatiku melihat jasad
pemimpin tanah air telah terkorban,
tetapi pilunya berlipat kali ganda
melihat rumahnya yang turut punah
terkena letupan kapal terbang itu.”

Dia berdiri di tepi pantai
melihat serpihan rumahnya di bawa pergi
berlinang air matanya bercampur kecewa
hasil usahanya lenyap dalam sekelip mata.

Baru seminggu rumah itu berdiri
tapi tidak disangka berakhir begitu.

“Rumah pertama yang aku usahakan
kini musnah di depan mataku
dek gelombang hempasan pesawat.”

Bagaimanapun, di sebalik kehancuran itu,
Keirul tidak menyerah dan tidak tunduk
kerana tersimpan kekuatan
yang tidak terukur dalam hatinya.

Kesedihan Keirul tidak dapat diungkapkan.
betapa hancur pucuk harapannya
mengidam sebuah rumah
sebagai titik hidup baharu

Namun, rumah pertama Keirul
bukan alamat terakhir baginya
ia hanya menjadikan alamat terakhir
takdir pemimpin negerinya yang tercinta.

Nota Kaki:

1. https://ms.wikipedia.org/wiki/Tragedi_Double_Six

LANGIT CINTA YANG RETAK



Oleh: Nelson Sumail

(Pada 8 Mac 2014, sebuah penerbangan penumpang berjadual yang dikendalikan oleh Malaysia Airlines dari Kuala Lumpur, Malaysia, ke Beijing, China telah dilaporkan hilang. Semua 227 orang penumpang dan 12 anak kapal dianggap telah terkorban.)

Hayati yang pernah disulami
benang-benang cinta
dalam hatinya kini merasa keretakan
yang tak terjangka.

“Azrul suamiku, adalah langit bagi duniaku.
Engkau pramugara yang sering terbang
jauh meninggalkan jejak langkah
di langit yang tak tergapai olehku.”

Setiap kali Azrul berangkat
Hayati menunggu dengan sabar
menunggu saat bersua kembali.
Namun, hari-hari itu berubah
menjadi malam yang panjang
penuh keraguan dan rasa cemburu.

Bagaimana mungkin Hayati
tidak merasa resah
apabila setiap saat suaminya
berada di atas awan
yang jauh dari pandangan dan jangkauan.
sampai hatinya mula berbicara
menyoal kesetiaan dan kepercayaan.

000

“Kenapa kau selalu pergi?
Mengapa kerja ini yang kau pilih?”
tanya Hayati pada suatu malam
suara marahnya seperti angin ribut
menghentam dinding-dinding hati mereka.

Malam itu, Hayati merasa cintanya terbang jauh
berlaku pertengkaran seperti badai di lautan
kata-kata yang diucapkan menusuk
seperti duri mawar
melukakan hati mereka berdua
lalu, berangkatlah Azrul
menjalani tugas hakikinya
dengan penuh hampa.

000

Pada 8 Mac 2014
tepat jam 8:30 pagi keesokannya,
satu pesawat dari Kuala Lumpur ke Beijing
telah dilaporkan hilang.
semua 227 orang penumpang
dan 12 anak kapal dianggap terkorban.

Hayati meratap kesedihan mengetahui
berita tentang pesawat itu
kerana ia adalah pesawat yang dinaiki suaminya
sungguh takdir punya cara yang kejam
untuk menguji cinta.

Hayati tidak percaya
hatinya hancur seraya berkata.

“Suamiku, oh suamiku!
Ke manakah kau menghilang?
Apakah kau pergi meninggalkanku
seperti bayangan cinta
yang hilang dalam kegelapan?”

Segala kata-kata marah
yang pernah kuucapkan terasa berat
menjadi batu menghempap dada.

“Apa kau dengar, suamiku?
Di mana kau sekarang?
Adakah angkasa telah merampasmu
dari pelukanku?” Hayati menjerit
dalam kegelapan malam
menunggu jawapan yang tak kunjung tiba.

000

Hari demi hari telah berlalu
berita kehilangan itu
menggema di seantero dunia
tetapi bagi Hayati
hanya ada keheningan yang menakutkan
cinta yang pernah dikira abadi
kini terapung-apung di antara awan
yang tidak mungkin akan mendarat.

Dalam keperitan itu
Hayati mula memahami cinta
dengan cara yang baharu.

“Cinta bukan sekadar hadirnya
dirimu di sisiku
tetapi kenangan yang kita cipta bersama.”

Rindu yang dulu terasa menyakitkan
kini menjadi manis
setiap saat bersama
adalah harta yang tiada gantinya.

000

Di rumah yang sunyi
masih kedengaran gema
pertengkaran yang lalu
Hayati menyesal,

bukan kerana pertengkaran
tetapi kerana tidak sempat melafazkan
kata maaf sebelum suaminya pergi.

Rasa bersalah itu menambah luka di hatinya
seperti awan hitam menutupi sinar mentari.

Namun dalam kegelapan itu
Hayati menemui sepucuk harapan
Seraya berkata;

“Mungkinkah, di suatu tempat
yang jauh di sana,
kau masih hidup menanti saat
untuk kembali kepadaku
jika kau dapat mendengar wahai suamiku
ketahuilah cinta ini tidak akan pudar.”

“Meski langit terus menghampar mendung
aku akan tetap menunggu
seperti bulan yang setia menunggu malam.
Setiap detik berlalu
aku berdoa agar angin akan membawa kau
kembali ke pangkuanku,
dan cinta kita bertaut kembali.”

Di langit cinta yang retak
Hayati menanti dengan sabar
meskipun diuji badai
cintanya tetap kekal
seperti bintang yang tidak pernah pudar
\di langit malam.

Hayati percaya, suatu hari nanti
mereka akan bersua lagi
kalau bukan di dunia
mungkin di alam seterusnya.

Nota Kaki:

1. https://ms.wikipedia.org/wiki/Penerbangan_370_Penerbangan_Malaysia

Biodata



Nelson Sumail. Lahir di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah pada 5 Februari 2002. Kini menetap di sebuah kampung di daerah Penampang. Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Tombovo, Penampang dan seterusnya meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Limbanak, Penampang. Kini, Nelson melanjutkan pengajiannya di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya (IPGMKG) dan akan menamatkan pengajian sebagai seorang guru yang memegang sijil Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang bahasa Melayu. Berkecimpung dalam bidang penulisan sejak bergelar siswa guru di IPGMKG dan telah menghasilkan sebuah cerpen kanak-kanak dalam kursus Penulisan Kreatif Sastera Kanak-kanak. Selain itu, Nelson juga telah menyumbang kepada penghasilan sebuah buku pengajaran bahasa Kadazandusun dalam kursus elektif terbuka Bahasa Kadazandusun Komunikatif di institut pengajiannya. Beliau juga turut menyumbang puisi esei dalam buku antologi puisi esei yang berjudul, "Mengganti Ibu Menjadi Lilin" ini.

PERCUTIAN BERDARAH DI SYURGA TERSEMBUNYI

— — —

Oleh: Silvester Rovaldo Jr Sunny

*(Pada 1 Mac 2013, terjadi detik hitam apabila kedaulatan tanah air
dicabul oleh sekumpulan pengganas Sulu dari selatan Filipina yang
menceroboh wilayah pantai timur Sabah.)*

Di Lembah Danum yang hening berkilau
Kamal melangkah di atas tanah lembab
mengagumi ciptaan Tuhan

Matanya tertumpu pada pohonan tua
yang melambai pelahan
seolah mengerti
menyambut tetamu
yang datang untuk menikmati

Kamal tidak hadir seorang diri
dia bersama sahabatnya, Faiz
datang untuk meneroka bumi hijau

000

Mereka melihat embun pagi
yang menyapa lembut
membasahi dedaunan hijau yang subur
kicau burung bersenandung riang
mengiringi langkah Kamal dan sahabatnya

“Inilah Lembah Danum
yang menyimpan rahsia alam,”
kata Kamal dengan megah.

Kamal dan sahabatnya itu
sudah lama ingin ke sana
dan akhirnya tercapai
“Tidak kusangka, hajat kita
sudahpun di depan mata,”
ucap Kamal lagi.

Setiap keunikan dan kebesaran alam
berhijaukan cica daun besar
menjadi pesona pada Kamal dan Faiz.

“Lihatlah pokok Meranti Kuning itu
berdiri gagah dan utuh
meskipun bergoncang
dan ditiup angin bertubi-tubi,”
kata Kamal kepada Faiz.

Mereka berdua terus meneroka
bumi Lahad Datu
yang menyimpan seribu pesona
agar percutian akhir semester itu
menjadi pengalaman indah
dalam persahabatan mereka.

000

Kamal tersenyum memandang sahabatnya
yang leka menyuapkan nasi lemak
mengisi perut yang sedang kelaparan

Dia teringat bagaimana ekspedisi
mereka bermula
setelah tamat sekolah menengah
dia dan Faiz membuat janji
menjadi sahabat pengembara
berdua untuk menjelajah Sabah

Pengembaraan bermula
setiap kali cuti semester di pengajian tinggi
mereka merancang destinasi yang dituju

Kini Kota Lahad Datu
menjadi sejarah pertama
buat mereka berdua

000

1 Mac 2013
di tepi pantai Lahad Datu
Kamal dan Faiz duduk bersahaja
secangkir kopi hangat
di tangan mereka berdua
dihirup perlahan

Kedengaran ombak berbisik lembut
menyentuh pasir yang bersih

Kamal dan Faiz
dua sahabat itu
berbicara ceria
bergurau dan tertawa
membiarkan angin berbisik lembut di telinga.

Kamal tersenyum
menatap langit yang merona
Faiz melirik sambil melihat
gelombang yang bergetar lembut
Pelbagai cerita
dari alam persekolahan dibuka
menghangatkan persahabatan mereka
yang tidak pernah pudar

000

Tiba-tiba
kedengaran bunyi das tembakan
meluru tanpa mengenal mangsa

Peluru rambang datang
mencipta duka yang tidak terbilang

“Faiz!”

Faiz terjatuh
di pangkuan Kamal dia rebah

matanya berkaca
menahan sakit yang tidak terperi

Orang ramai bertempiaran lari
cuba menyelamatkan diri
Kamal, berdarahkan pahlawan
lantas menarik tubuh sahabatnya

Dia menggenggam tangan sahabatnya erat
namun waktu seakan berhenti
dia kehilangan kata
terkejut melihat tubuh sahabatnya
berlumuran darah

“Kamal..”

Suara Faiz perlahan dan sayu
seorang sahabat, peneman setianya
memanggilnya buat kali terakhir
sebelum nafasnya terhenti

Tangis Kamal pecah
Faiz, sahabat sejati
telah pergi dan tidak akan kembali

000

Sinaran sedih terpancar di mata Kamal
dia melihat skrin televisyen
matanya berkaca-kaca

11 tahun selepas tragedi Tanduo, Lahad Datu ¹
insiden berdarah
mengorbankan 13 perwira gagah
memperjuangkan kedamaian
tembak-menembak berlaku
secara rambang di Lahad Datu

000

“Maafkan aku, Faiz.”

Cuaca menjadi redup
seolah mengerti-erti sebuah kehilangan
Kehilangan sahabatnya itu
tidak pernah dilupakan.

Di bawah langit Lahad Datu yang kelam
Kamal berdiri sendiri
di tempat sama 11 tahun yang lalu

Kamal memandang pada lautan
dalam setiap desir angin
Kamal mendengar namanya

Di pantai itulah
dulu dia dan sahabatnya
berehat sambil menikmati keindahan
bergurau senda dan ketawa bersama

Kini hanya kenangan
bersemadi di laut
Faiz telah pergi
tetapi dalam jiwa Kamal
Sahabatnya akan hidup
dalam setiap detik yang bertaut.

Nota Kaki:

1. Rujuk [https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1060530/tragedi-tanduo-sangat-dahsyat-Genap 11 tahun peristiwa pencerobohan pengganas bersenjata Sulu memasuki perairan negara secara berperingkat di Felda Sahabat, Lahad Datu yang membawa kepada pertempuran di Kampung Tanduo](https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1060530/tragedi-tanduo-sangat-dahsyat-Genap-11-tahun-peristiwa-pencerobohan-pengganas-bersenjata-Sulu-memasuki-perairan-negara-selama-berperingkat-di-Felda-Sahabat-Lahad-Datu-yang-membawa-kepada-pertempuran-di-Kampung-Tanduo).

DI AWAN TERAKHIR

— — —

Oleh: Silvester Rovaldo Jr Sunny

(Pesawat Boeing 777 Malaysia Airlines MH370 yang membawa 227 penumpang dari 14 negara dan 12 anak kapal warga Malaysia telah hilang secara misteri pada 8 Mac 2014 tanpa kesan)

Aku menikmati sarapanku
sekeping roti
dan secangkir cawan kopi kurang manis
di atas meja sebuah restoran
dalam lapangan terbang

Perlahan-lahan aku menghirup kopi hangat
sambil melihat jam tangan
menunggu kedatangan sahabatku, Liam

Buat seketika
terdetik di hatiku
“Adakah Liam terlupa?”
namun aku tetap percaya
sahabat yang sudah lama kukenal itu
pasti akan menampakkan batang hidungnya.

“Maaf sebab lambat”
kata Liam kepadaku

“Tidak mengapa
yang penting kamu datang juga”
balasku sambil menampakkan senyuman

000

Dua bulan yang lalu
Aku sibuk melihat pakej-pakej pelancongan

“Wah, Liam lihatlah ini!”
kataku dengan riak wajah yang terkejut
Liam yang sedang khusyuk menaip
di depan komputer pejabatnya
memalingkan wajahnya ke arahku

“Kenapa?”
balas Liam kepadaku
Liam menggerakkan kerusi pejabatnya
mendekati ke tempat meja kerjaku

“Lihat, pakej pelancongan murah!”
kataku kepada Liam
“Boleh percaya ke kalau murah?”

Lontaran kata-kata Liam itu
membuatku mengamati pakej itu kembali
untuk mengelak dari ditipu.

“Betullah Liam, ada komen ini kata tidak tipu”
Liam mengangguk mendengar kataku

Tiba-tiba kedengaran bunyi tapak kaki
kehadiran majikan yang bermisai tajam
yang meronda untuk memantau pekerjaanya itu
membuatkan perbualan kami berdua
terhenti dari rasa teruja.

Liam lantas kembali ke meja kerjanya
lalu sambung menaip
fokus pada kerjanya
yang belum lagi selesai

“Liam, aku sudah beli pakej untuk kita”
bisikku kepada Liam yang kemudiannya
mengangguk-angguk tanda bersetuju

000

Aku dan Liam
kini berada dalam perut kapal
aku mendapat tempat duduk berdekatan tingkap
manakala sahabatku, Liam
di sebelahku

Pesawat berlepas
dengan gagah menuju angkasa
aku melihat ke bawah
semuanya kelihatan kecil
bangunan pencakar langit
semakin jauh ditinggalkan

Satu jam telahpun berlalu
mataku hampir terlelap
namun pandanganku tetap tertumpu
pada kabus awan tebal di luar tingkap

Aku melihat Liam
dia nyenyak tidur
bagaikan tidak ingat dunia

Tiba-tiba
kapal terbang bergoncang
membuatkan semua penumpang panik
aku dengan segera membangunkan Liam

Belum sempat aku berbuat apa
aku berpaling ke tingkap
pesawat telahpun hampir menyatu
dengan lautan semudera

“TOLONG!!”

000

Aku terbangun
dengan debaran jantung kencang
aku melihat sekeliling

Aku bersyukur igauan ngeri itu
Rupanya hanya sebuah mimpi
namun begitu
aku baru teringat sesuatu

“Alamak, aku sudah terlepas penerbangan!”

000

Aku segera bangun
aku gapai telefon di tepi katil atas meja
aku cuba menelefon sahabatku, Liam
berkali-kali
tetapi tidak diangkat

Aku teringat akan mimpiku tadi
Fikiranku mula risau

000

Setelah beberapa minit bertenang
aku memasang televisyen
menumpukan perhatian ke berita dunia

“Sebuah pesawat telah hilang dari radar
dan kini pencarian sedang giat dijalankan¹.”

Aku kaku seketika mendengar berita itu
Lututku longlai dan aku hampir pitam

Alangkah terkejutnya aku
apabila pesawat yang sepatutnya
aku dan Liam naiki
kini hilang secara misteri

Kini sepuluh tahun telah berlalu
aku tidak pernah melupakan
sahabatku, Liam

Aku dan keluarganya sentiasa berdoa
agar suatu hari nanti
ada berita tentang Liam dan penumpang lain

Nota Kaki:

1. <https://www.beritaharian.sg/malaysia/misteri-kehilangan-pesawat-mh370-belum-terungkai-selepas-10-tahun>

Biodata



Silvester Rovaldo JR Sunny lahiran negeri di bawah bayu, Sabah pada 03 May 2005. Merupakan anak keempat dari lima adik beradik dan merupakan anak kepada Rose Salvia, penulis Sabah dan ahli BAHASA. Sebelum ini bersekolah di SK Penampang kemudian di SM St Michael,

Penampang. Kini menyambung pelajaran di IPGM Kampus Gaya bagi ijazah sarjana muda. Silvester berkecimpung dan gemar dalam dunia bahasa Melayu dan kesusasteraan. Di IPGM, terlibat dalam karnival MBMBI dengan kerjasama dari IPGM Kampus Bahasa Melayu yang bertujuan memperkasakan bahasa Melayu. Juga terlibat dalam anjuran BAHASA seperti AJK Pementasan Teater pada tahun 2023, mengikuti penghasilan puisi esei dan bengkel.

YING DALAM KENANGAN

— — —

Oleh: Wong Yan Shu

(Pada 1 Julai 2024, banjir kilat yang berlaku di daerah Penampang telah menyebabkan seorang wanita terkorban ketika mengharungi banjir selepas menghantar makanan kepada mangsa terperangkap banjir.)

Aroma masakan menyelinap dari dapur
menggelorakan selera penghidu
hari ini ialah hari lahir Ying
adik kesayangan Huan.

“Ying, saya telah masak
lauk kegemaranmu,
tunggu kepulanganmu sahaja.”
kata Huan
wajahnya cerah berseri
senyuman bahagia
menghiasi bibirnya.

Kicauan lembut menyentuh langit
semilir angin membisik halus
Huan bersandar di atas sofa
memejam mata dalam keheningan

Seketika itu
dia seolah-olah terlihat
bayangan mirip Ying
semakin samar
sehingga lenyap dalam
belitan kabut.

Huan terjaga dari lamunan
jantungnya berdenyut
dalam alunan gelisah
Dia mengangkat telefon
menyusun angka dalam doanya
berharap setiap deringan
membawa berita gembira
yang dinantikan.

“Nombor yang anda dail
tidak dapat dihubungi...”
sistem suara di telefon bimbit bergema
bagai kegelapan yang mencekam
menambah ketegangan.

“Huan! Huan!”
dengan nafas yang tercungap
Jie, suami Huan
memanggilnya dengan
kegelisahan.

Huan menoleh ke arah Jie
mata Jie dipenuhi
embun kesedihan.

Ada titisan air mata yang menitis
seakan-akan pandangannya
menyampaikan berita buruk
yang usah dipertuturkan.

000

Dalam kesunyian yang mengerikan
Huan terngangah
suaranya hilang dalam kekeliruan
air matanya melimpah
meluncur tanpa henti
menghadap berita duka yang
merobek ketenangan.

Mereka tiba di tempat kejadian
mendengar tangisan sayu
melihat rumah-rumah ditenggelami
keluarga porak-peranda.

“Ying, mengapa begitu banyak
bungkusan makanan di sini?”
tanya Huan sambil memandang
gunung hidangan yang tersusun rapi
di atas meja.

“Itu makanan yang akan
saya hantar kepada mangsa-mangsa
banjir yang terperangkap

di daerah Penampang.”
jawab Ying sambil memindahkan
bungkusan makanan
ke dalam keretanya.

Hatinya bergetar dalam keresahan
memikirkan nasib mereka
yang terperangkap dalam banjir.

Pandangan Huan semakin kabur
digenangi air mata yang tak terkawal
setiap inci kulitnya mencerminkan
duka yang tiada penghujung.

“...pasukan kami masih dalam
proses mencari mangsa, tuan.”
kata wakil Angkatan Pertahanan
Awam Malaysia (APM)
kepada Jie.

“Pasukan, ada laporan bahawa
mangsa terperangkap di kawasan
yang belum kita capai. Kita
tidak boleh berhenti sekarang.”
kata ketua anggota APM.

“Ya, tuan. Kami telah memeriksa
setiap sudut yang mungkin,
tetapi air terus naik.
Kami akan terus mencari
walau dalam keadaan sukar.” jawab ahlinya.

Huan berdiri di situ
disokong oleh genggamannya Jie
dia merenung jauh ke masa silam
melayari lautan kenangan
menemukan kembali jejak-jejak
masa lalu yang tertimbus
dalam debu waktu.

“Huan, ni kuih mochi
yang saya belikan untuk awak,
sedap betul! Kamu tahu,
penat saya jalan kaki
ke kedai tu untuk beli kuih ni sahaja.”
kata Ying sambil menyandarkan
kepalanya di bahu Huan,
dengan senyuman manja
dan mata bersinar.

000

Ying ialah anak bongsu
dalam keluarga Chong
kelahiran Ying menggugat kedudukan Huan
sebagai anak emas
yang dilayan bagai
menatang minyak yang penuh.

Huan dirotan setelah membuat kesilapan
tetapi Ying tidak, hanya ditegur.

Ying berpeluang untuk belajar alat muzik
dari umur 8 tahun,
tetapi Huan hanya diberi peluang
pada usia belasan tahun.

Ahli keluarga memuji bakat Ying
perasaan Huan diabaikan
Huan benci Ying
dia menulis kata-kata yang
menyumpah Ying di dalam diarinya.

Ying ternampak diari Huan
semenjak hari itu
dia melayan Huan sepenuh hati.

“Huan, biar saya yang sapu.”
kata Huan sambil mengambil
penyapu dari tangan Ying.

“Huan, biar saya yang cuci mangkuk ni.”
kata Ying lalu mengambil alih tugas Huan.

“Rajin betul, Ying.
Ying memang anak baik mama.” puji ibu.

“Berabis awak nak berpura-pura
rajin depan mak, menyampah betul.”
kemarahan membara dalam dada Huan
kata-kata tajam meluncur
seperti panah yang terlepas.

000

Dia menghempas peralatan di tangan
meninggalkan tempat itu
Ying segera mengejarnya
mengakui kata-kata yang dilihatnya.

Rasa bersalah mendampingi
setiap hembusan nafas Huan
Ying masih kecil
tetapi berfikiran matang darinya.

Kebencian kian mencair
menyejat seperti kabut pagi
yang ditelan sinar mentari.

Di tengah hujan lebat dan
aliran air yang deras
Huan terhenti di persimpangan waktu
terperangkap dalam gelombang kenangan.

Dia tidak lagi mendengar
rintihan banjir
atau merasai pelukan Jie
yang penuh kesedihan.

000

Yang tinggal hanyalah wajah Ying
tersenyum ceria
kuih mochi yang dibawa
dengan penuh kasih
dan suara lembut yang berkata
“Jaga diri, Huan.”.

Nota Kaki:

1. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1106311/wanita-dikhuatiri-lemas-selepas-dihanyutkan-arus-banjir>

JEJAK ADAM DALAM HUJAN DUKA

Oleh: Wong Yan Shu

(Pada tahun 1942, sebuah projek pembinaan landasan kereta api merentasi Sungai Kwai yang menghubungkan Siam dan Burma telah dijalankan dengan tragik. Ratusan ribu penduduk dari Tanah Melayu, Indonesia, Thailand dan Burma didesak menjadi buruh paksa.)

Di bawah langit mendung
hujan berderai lembut
Khairul, seorang jurnalis
melangkah untuk meneroka
kisah silam yang pudar.

Rumah usang yang penuh kerut
di Kuala Kubu Bharu
dengan pintu terbuka
seolah-olah membenarkan
kesedihan bertamu.

Dengan nota di tangan
Khairul mengetak pintu
seorang wanita tua membuka
wajahnya berkerut
matanya menampakkan kesedihan mendalam.

Khairul memperkenalkan diri dan hasratnya
wanita itu mengangguk perlahan
memperundang Khairul
ke dalam rumah yang
diselubungi kesepian.

000

Sudut rumah dipenuhi
catatan kuning pudar
Khairul melihat lelaki tua
duduk termenung
matanya menatap jauh
mencari sesuatu yang tak tampak.

Wanita tua itu memperkenalkan diri
Dengan sura lembut
Mak Siya Namanya.

Manakala lelaki tua itu ialah Pak Mat
bonda dan ayahanda
mangsa peristiwa silam itu.

“Adam, anak kami
ditangkap oleh tentera Jepun
ketika umur 15 tahun...”
kata Mak Siya
sambil mengusap potret Adam
suaranya bergetar dibebani rasa pilu.

“Ayahnya yang tidak pernah
menunduk, pertama kali
berlutut dan merayu kepada penjajah
yang keji itu agar melepaskan
anak kami.” sambung Mak Siya
sambil mengesat air matanya
bergenang di pipi.

000

Menurut Mak Siya
rayuan Pak Mat tidak dihirau
malah dicemuh dengan
bahasa asing yang tidak difahami
berserta keganasan tanpa perikemanusiaan.

Adam dibawa keluar dari kampung
menaiki lori bersama tawanan perang
meninggalkan tanah air secara paksa.

Adam, anak tunggal dalam keluarga
pemergiannya meruntuhkan
benteng semangat
kedua-dua orang tua itu.

“Tunggu aku balik...”
kata-kata terakhir Adam menjadi harapan.

Pada Disember 1943
tiba seorang pemuda

berjalan tempang
menuju ke arah mereka.

Pemuda itu memeluk
sebaik sahaja mendekati mereka
kepalanya bertunduk
wajahnya tak terlihat.

Mereka terperanjat
Pak Mat segera memapahnya
wajah pemuda itu
telah dibasahi air mata.

000

Namanya Haiqal
pemuda dari Rantau
seumur dengan Adam.

“Hari itu, aku jatuh sakit,
tetap kena bekerja
untuk mendapatkan
makanan yang hanya
diberi sekali sehari.”

“Namum, aku memang
dah tak larat bekerja.
Mereka pukul aku
dan aku tak berdaya
untuk melawan.”

“Adam melihat aku
kian hilang kesedaran
aku merayu kepada mereka
untuk ampunkan aku.”

“Tapi...maafkan aku...
ini semua kesalahan aku...”
kata Haiqal
suara tersedu-sedu
penuh keperitan.

Haiqal dibiarkan
tetapi Khairul terkorban
dihunus dengan bayonet senapang
tentera Jepun.

Setelah mendengar
air mata Mak Siyan mencurah
tersedu hingga tiada suara.

Mak Siyan berpeluk dengan Pak Mat
menanggung duka yang menyentuh jiwa
meratapi nasib anak kesayangan mereka
dalam tangisan penuh lara.

Melalui perbualan itu
Haiqal menyedari
keluarga itu kehilangan
lebih dari seorang anak
mereka kehilangan harapan
untuk masa hadapan.

000

Khairul memejam mata
perasaan duka
amarah bercampur baur dalam jiwa
melukis semula kisah
dengan tinta dan air mata.

Di dalam rumah usang
yang sunyi itu
kisah Adam terukir
meninggalkan bekas
mendalam pada jiwa
seperti jejak langkah
yang tidak pernah pudar.

Keberanian dan pengorbanan
yang dilupakan dalam lipatan sejarah
kini diterjemahkan dalam barisan kata
menyentuh hati
juga menghidupkan memori.

Khairul meninggalkan rumah itu
dengan berat hati
penuh penghormatan.

Hujan masih berderai lembut di luar
menyambut kisah yang terungkap dalam rasa.

000

Adam, nama yang terukir duka
empati dan keberanian
menjadi legasi dalam lipatan waktu
dalam setiap tangisan dan kata
menghidupkan kembali ingatan
yang kekal abadi.

Nota Kaki:

1. https://www.sinarharian.com.my/article/104651/terseksa-jadi-buruh-paksa-tentera-jepun#google_vignette

Biodata



Wong Yan Shu, lahir di Sabah, pada 04 April 2002. Penulis menyempurnakan pendidikan rendah di SJK(C) Pei Yin Membakut, kemudian meneruskan pendidikan menengah di SM St. Patrick Membakut sehingga menjelang tahun 2019.

Kini, penulis melanjutkan pengajian di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya dalam jurusan bahasa Melayu. Penulis terlibat dalam bidang penulisan sejak peringkat menengah. Penulis telah menghasilkan cerpen kanak-kanak dalam kursus Penulisan Kreatif Sastera Kanak-kanak. Di samping itu, penulis juga menyumbang kepada penghasilan karya bahasa Cina di institut pengajiannya. Rentetan itu, penulis turut menghasilkan puisi esei dalam buku antologi puisi esei yang bertajuk “Mengganti Ibu Menjadi Lilin”.

KASUT ITU MEMBESAR SESUAI KAKIKU

Oleh: Nurul Asyiqin Zamri

(Pada 20 Januari 2020, Malaysia telah digemparkan dengan berita penularan Covid-19 yang dibawa oleh pelancong dari China.)

Fatimah duduk di persisiran
pantai Tanjung Aru
memandang laut
memukul pantai bertalu-talu.

Angin bertiup laju
menyentuh tudungnya yang bergetar
sesekali menutupi wajahnya yang sugul.

“Aku janji, kita akan bertemu lagi
di sana nanti.” Kata keramat itu
masih lagi menghantuinya
walaupun sudah lima tahun berlalu.

000

Fatimah bertemu Ayu sewaktu
mereka berumur 10 tahun

dia yang kehilangan ibu bapa
akibat kemalangan
berjumpa dengan Ayu
di Rumah Anak Yatim
dan Asnaf As Sakinah
yang terletak di daerah Papar.

Fatimah ditemani Ayu
setiap waktu
setiap saat
walaupun dia tahu
Fatimah mahu bersendirian.

Fatimah sedih
kerana tiada satu pun darah dagingnya
yang mahu menjaganya.

“Aku ada, Timah.
Akan aku renangi lautan api demi kau.”
Kata-kata Ayu menyentuh rasa itu
diungkapkan sambil tersenyum.
kehangatan kata-kata itu
membuatkan Fatimah lupa
kesedihannya.

000

“Ketika umur aku
mencapai 19 tahun
Aku dan Ayu keluar
dari rumah anak yatim itu.”

“Ayu mendapat semua A+
dalam Sijil Pelajaran Malaysia
dia akan melanjutkan
pelajarannya di China.”

“Manakala aku pula
tidak begitu cemerlang
dan enggan menyambung
pelajaranku.”

“Tetapi disebabkan
masalah kekangan kewangan
Ayu hanya akan pulang ke Sabah
setelah tamat pengajian.”
Kata Fatimah sambil mengenang
jalur perjalanan hidup
mereka bersama.

Fatimah menerima keputusan itu
meskipun empat tahun
adalah tempoh yang lama.

“Tapi, aku berjanji
kita akan berjumpa lagi
selepas empat tahun.”
Kata Ayu
sebelum dia mengorak langkah
meninggalkan bumi Malaysia.

000

Januari 2020
Setelah empat tahun berlalu
Malaysia digemparkan dengan berita
penularan virus Covid-19
bawaan pelancong China.

Khabar Ayu tidak kunjung tiba
sehingga 29 Januari 2022
apabila Perdana Menteri Malaysia
mengarahkan
rakyat Malaysia di China
dibawa pulang.

Ayu terus dibawa ke hospital
tapi tanda-tanda symptom penyakit
yang dialaminya
mengahalang kami
bersua muka
sebaliknya hanya panggilan telefon sahaja
yang menjadi penghubung.

“Kau kuat ya, Ayu.”
Kata Fatimah, sebak
remuk hatinya
runtun jiwanya
sahabat karibnya bertarung nyawa
tanpa sesiapa di sisi.

Dia berada di setiap
susahnya
sama ada ketika bahagia
atau ketika marah
atau sedih.

“Alangkah baiknya
aku ada Ayu
dan dapat membelainya
dikala sakit.” Bisik Fatimah
sendiri.

000

Ayu mengirimkan buah tangan
kepada Fatimah menggunakan
perkhidmatan penghantaran.

Fatimah membuka satu per satu
balutan buah tangan itu.

Dia kemudian ketawa kecil melihat
sepasang kasut tradisi orang Cina
warna merah jambu
dihiasi bunga-bunga kecil.

Fatimah ketawa lagi
kasut itu terlalu kecil
untuk kakinya.

“Pakai saja Timah, nanti lama kelamaan
ia akan membesar juga.”
Kata Ayu melalui panggilan telefon.

000

“Tahap oksigen Cik Ayu
berada pada tahap kritikal.
Cik Ayu perlu ditidurkan.”
Kata Doktor.

Fatimah menyangka
setelah dua minggu
keadaan Ayu semakin pulih
tetapi sangkaannya
meleset sama sekali.

Bukan Fatimah tidak berserah pada takdir
bukan juga dia tidak berserah
kepada Maha Pencipta.

Namun, berita-berita tentang
mangsa Covid 19
yang ditidurkan tidak berakhir
dengan kegembiraan
menggusarkannya.

Fatimah takut
kehilangan insan tersayang
ia bukanlah sesuatu
yang diimpikannya.

000

Fatimah menatap
skrin telefon bimbitnya lama
air matanya terus membasahi pipi

dia melihat wajah Ayu pucat
tetapi Ayu tersenyum lemah
hendak menenangkannya.

Melalui panggilan video itu
seakan-akan Ayu tahu
Fatimah takut dia akan pergi
Ke negeri abadi.

Kata Ayu, dadanya sakit
sukar dia bernafas
jadi ada baiknya
dia ditidurkan daripada
terus menaggung kesakitan itu.

“Aku janji, kita akan bertemu lagi
di sana nanti.” ucapnya bersahaja
tanpa dia sedari
dia merobek-robek sanubari Fatimah
sehingga tiada kata
yang dapat diungkapkannya
untuk kali yang terakhir.

000

Fatimah kaku berdiri
memerhati dari jauh
gerak geri pasukan barisan hadapan
menguruskan jenazah sahabatnya.

Dari kecil
Ayu berseorangan
tanpa ibu dan tanpa ayah.

Sehingga nafas terakhirnya
dan nyawanya berpisah dari jasad
Ayu tetap sendiri.

Fatimah hendak meraung
tetapi tiba-tiba bahunya disentuh.

“Dia tidak sendiri Fatimah,
doa kamu akan terus bersamanya
sampai bila-bila.”
Kata Umi, penjaga kami
di rumah anak yatim
menyentuh gegandang telinganya.

000

Kini di kala Fatimah teringat Ayu
dia akan pergi ke pantai Tanjung Aru
memandang laut yang sentiasa gelora
menikmati angin pantai
dan memerhati gelagat manusia.

Sudah 10 tahun
perpisahan terjadi
malah Fatimah sudah hampir lupa
raut wajahnya
suara lembutnya

tetapi kenangan bersama Ayu
tetap disematkan kemas
di lipatan ingatannya.

Fatimah tunduk memandang kakinya
dia tersenyum sambil mengusap air mata.

“Benar, Ayu.
Lama-lama kasut itu
membesar sesuai kakiku.”
bisik hati Fatimah lembut
sebelum dibawa angin pergi.

Nota Kaki:

1. <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>

RIWAYAT SEORANG PENDIDIK

— — —

Oleh: Nurul Asyiqin Zamri

(Pada tahun 1946, berlaku pertempuran antara orang Melayu dengan pengganas Komunis di pekan Batu Kikir, Negeri Sembilan.)

“Wajah ini tercalar angkara komunis!”
kata Yahya.

Cucunya, Samad memandang Yahya
teliti telinganya
berkerut dahinya
mencuba mendalami dan memahami.

Yahya membongkar cerita
40 tahun dahulu
sesekali bergetar bibirnya
mengungkap kata-kata.

“Tragedi ini telah mentakdirkan
aku menjadi pendidik”.
Bersemangat tetapi agak sayu nadanya.

000

Pada Februari 1916 lahirlah Yahya
anak lelaki yang menjadi kebanggaan
sepasang suami isteri
yang sudah hidup bersama 10 tahun.

Ayahnya petani biasa
menyara keluarganya
kais pagi makan pagi
kais petang makan petang.

Ibunya pula penyeri rumah
sepenuh masa.

Kelahiran Yahya di dunia
mencipta seribu makna sebuah kebahagiaan.

000

“Saya mahu menjadi guru!”
Lantang suara kecil Yahya
melontarkan cita-citanya

Semangat di dada berkobar-kobar
untuk menghias kain putih
yang jernih kelak.

“Saya mahu jadi Ustaz!”
Teriaknya sambil tersenyum riang.

Masa bergulir umpama air mengalir.

Pada tahun 1938 Yahya akhirnya
menjadi seorang pendidik
di bumi Sabah.

Usaha menyebarkan ilmu Islam
diteruskan walaupun hatinya berat
meninggalkan tanah kelahiran Negeri Sembilan.

000

Setelah berganti tahun Yahya kembali
ke negeri kelahirannya pada 1946
setelah anaknya menginjak
usia 12 tahun.

Di pekan Batu Kikir
langitnya sama biru
awannya sama putih
pepohonnya sama hijau
namun, hati nuraninya
berbaur pelbagai warna.

Komunis yang cuba menguasai
tanah Batu Kikir telah
meragut keharmonian daerah itu.

Hadir mereka bukan
untuk menyatupadukan
hadir mereka hanya
untuk membinasakan.

000

Pada pagi Jumaat itu,
Yahya bertolak ke sekolah
untuk menjalankan tugasnya
sebagai guru.

Walaupun daerahnya
cuba ditawan komunis.

Songkok disarung ke kepala
tali leher dipakai kemas
senyuman diukir semanis mungkin.

Seolah-olah tiada malapetaka
yang akan terjadi pada hari tersebut.

000

Pulang dari sekolah,
Yahya singgah membeli
buah-buahan di gerai tepi jalan.

Tiba-tiba lengannya
direntap kuat dan kasar.

“Ini bukan tempat orang Melayu!”
Tengking Komunis itu, bengis.

Yahya ditangkap dan ditahan
di markas Komunis Kuala Pilah.

000

Menjelang senja
orang-orang Melayu berkumpul
menyerang markas itu
bersenjatakan parang.

Dalam suasana suram dan gelap
bermulalah pertempuran berdarah
antara orang tempatan
dengan kaum pengganas itu.

Komunis tumpas di tangan orang Melayu
walaupun bersenjatakan senapang.

“Mampus kau orang Melayu!”

Walaupun nyawa hampir
meninggalkan jasad,
komunis keparat masih sempat

melibas keras parang di tangan
dan tergoreslah wajah Yahya
luka dan berdarah

000

12 tahun berlalu
Yahya masih seorang pendidik
Namun parut diwajahnya
tidak akan hilang.

Begitu juga jiwa pendidiknya tetap utuh
tak lekang dek panas
tak lapuk dek hujan.

Setelah tragedi itu
Yahya pasakkan tekad
menyemai unsur perpaduan dalam
diri murid-muridnya.

Dia mengajar erti
perbezaan kepada anak didiknya
Dia mengajar bahawa
kaum, agama dan bahasa
bukan penghalang perpaduan.

“Ustaz, Ali mengejek saya lagi!”
kata Kumar, anak murid Yahya
dalam kelas Pendidikan Moral.

Yahya menepuk bahu Ali
sambil lembut matanya memandang
anak kecil
yang berusia lapan tahun itu.

“Kita mungkin berbeza
tetapi kita hidup di langit yang sama.
Jagalah perpaduan ini”
kata Yahya.

Dia mengusap lembut kepala
anak kecil itu
sambil berdoa di hati
agar tanah airnya yang sudah merdeka itu
kekal merdeka selamanya.

000

Tangan tua Yahya digenggam erat
oleh Samad
malapetaka yang hampir meragut nyawa itu
meninggalkan trauma hebat dalam dirinya.

Namun, semangat patriotisme
yang ada pada dirinya
membuatkan dia bangun
bangkit
memperbetulkan didikan dan asuhan
kepada anak muridnya
demi membina perpaduan.

Nota Kaki:

1. <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>

Biodata



Nurul Asyiqin Binti Zamri, biasa dipanggil Asyiqin. Dilahirkan pada 2 Oktober 2001 di daerah Kudat, Sabah. Sekarang menetap di pantai barat Semenanjung Malaysia, Negeri Sembilan. Asyiqin memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Telaga, Pitas kemudian bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kita Kinabalu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir, Model Khas. Kemudian, Asyiqin juga melanjutkan pelajaran di Tingkatan 6 dengan cemerlang. Kini, melanjutkan pelajaran di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya, Sabah dan akan menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Mula berkecimpung dalam bidang penulisan seawal umur 14 tahun sebagai hobi. Gemar menghasilkan cerpen pelbagai genre walaupun tiada kemahiran yang kukuh. Seterusnya, pernah menghasilkan cerpen yang bertajuk *Sirna Aku* untuk tugas kursus Pengantar Kesusasteraan Melayu. Sebagai permulaan yang memberikan semangat untuk terus menulis, Asyiqin menyumbangkan dua buah puisi esai yang berjudul *Kasut itu Membesar Sesuai Kakiku* dan *Riwayat Seorang Pendidik*.

TRAGEDI DI HARIJADI

Oleh: Nurul Natashah Mahir

(Pada pagi 16 April 2014, telah berlakunya satu tragedi iaitu tenggelamnya Feri Sewol dalam perjalanan menuju ke Pulau Jeju dari Incheon yang membawa 476 penumpang, meragut 304 nyawa termasuk 250 pelajar sekolah menengah.)

Pintu rumah terbuka
terdengar derap kaki
melangkah perlahan
cerminan kesopanan
namun penuh ceria.

Senyuman Jisu melebar
seperti sinar matahari pagi
menyambut kedatangan Kimi,
satu - satunya bintang kecil di hatinya.

000

Kimi akan membuat lawatan
ke Pulau Jeju
bersama rakan - rakannya yang lain

pada 16 April 2014
bersamaan dengan hari lahir Jisu
yang ke-39 tahun.

Jisu cuba memujuk anaknya itu
dengan memberi alasan
bahawa tidak ada yang akan menemaninya
di hari ulang tahun lahirnya kelak.

Jisu inginkan Kimi ada bersamanya
meraikan usianya
yang bertambah setahun lagi

“Jangan risau, ibuku sayang.
Selepas sahaja dari Pulau Jeju,
Kimi janji akan membawa ibu
ke satu tempat istimewa
untuk meraikan hari jadi ibu”
Janji Kimi dengan senyuman memujuk
melembutkan hati Jisu.

Alasan hari jadi yang digunakan Jisu
Nampaknya tidak berjaya memujuk Kimi
Kimi tetap menyertai lawatan ke Pulau Jeju.

Bukan berniat untuk mengongkong
tetapi hati kecilnya tiba - tiba terdetik
satu rasa yang sukar untuk diungkapkan
Untuk memberi kebenaran kepada puteranya itu
Gusar, gelisah dan ragu mulai menguasai diri Jisu.

Namun melihat raut wajah Kimi
dengan mata bulatnya yang bersinar terang.

Jisu cuba memujuk hatinya
untuk berfikiran positif
redha dengan keinginan anaknya

000

Di perairan yang tenang di Incheon
pagi itu, sinar matahari bersinar terang
Feri Sewol bersedia membawa jiwa-jiwa muda
menyeberangi laut menuju ke Pulau Jeju.

Jisu melihat lambaian Kimi
sosok tubuh anaknya itu
hilang dari pandangan.
walaupun hatinya gundah
memikirkan anaknya
namun Jisu terus menitipkan doa

000

Siapa sangka
di tengah lautan biru
yang tampak indah dan damai
berlaku satu tragedi malang.

Feri Sewol yang membawa
Jiwa - jiwa muda
mulai hilang arah.

Lautan seakan bergetar
menggoncang penghuni laut
terdengar jeritan anak – anak histeria
mereka terkunci dalam keresahan
dan ketakutan.

000

Jisu setia berdiri di tepian laut
menantikan berita yang tak kunjung tiba
suara hatinya ingin berteriak
namun suaranya tenggelam
seolah ditelan laut
hanya air matanya terus mengalir
tanpa henti.

Persekitarannya dipenuhi
oleh suara - suara tangisan
tidak dapat ditafsirkan
nada tangisan yang bergema di mana-mana.

Jisu tetap setia menanti kapal
membawa mangsa yang berjaya diselamatkan
hatinya penuh harapan
agar Kimi terselamat
dan turun dari kapal penyelamat tersebut.

Melihat satu persatu mangsa turun
dari kapal penyelamat
wajah Kimi masih tidak terlihat.

Jisu jatuh terduduk
hilang arah
dan lemas di tengah badai laut
yang dahsyat.

Sepasang kasut mendarat
di hadapannya

“Ibu...” suara kecil itu
berbisik di telinga Jisu.

Jisu mendongak ke atas,
tatapan matanya berubah
seolah – olah ada cahaya
yang menembusnya.

Jisu terus bangun
memeluk erat anak lelakinya
Jisu dapat rasakan getaran ketakutan
dari tubuh Kimi
bahunya membawa suatu bebanan
yang sangat berat.

000

Kehidupan Jisu seolah-olah
ditiup satu harapan baru.

Tidak dapat diungkap perasaannya
apabila merasakan kehangatan tubuh Kimi
dalam pelukannya.

Kembalinya Kimi dengan selamat
dianggap sebagai satu bentuk hadiah berharga
di hari lahirnya.

Namun di sbalik kebahagiaan yang dirasakan
tidak dapat dilupakan
duka yang tidak terungkap.

Pada 16 April menjadi tarikh tragedi
yang menyayat hati
kerana kematian ratusan nyawa
yang tidak berdosa.

Pada hari itu juga
Akan tetap selamanya diingat
sebagai tarikh keramat
yang tidak akan pernah dilupakan.

Bukan sahaja menjadi tarikh
kelahiran Jisu ke dunia
tetapi juga tarikh duka
yang menjadi saksi kematian 304 orang
yang menyayat hati.

Nota Kaki:

1. <https://kimchidaily.my/299-mati-5-hilang-ini-kisah-tenggelmnya-feri-sewol-di-korea-pembunuhan-oleh-kapten-kapal-sendiri/>

RINDU TAK BERPENGHUJUNG

— — —

Oleh: Nurul Natashah Mahir

(Pada 23 April 2024, dua helikopter ketenteraan milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bertembung di udara ketika raptai persembahan sempena hari ulang tahun ke-90 TLDM. Sebuah helikopter Eurocopter Fennec dan sebuah helikopter AW139, masing – masing terhempas di kompleks sukan dan Stadium TLDM)

“Ayah adalah idola hidupku”
Affan menjawab dengan suara lantang
membuktikan kesungguhannya
dalam jawapan yang diberikan.

Apabila ditanya siapa idolanya
Affan tidak perlu termenung lama
hanya satu nama yang pasti
terbit dari bibirnya, iaitu ayah.

Setiap kali Affan memandang
wajah ayahnya
ada kekuatan yang menyerap
ke dalam dirinya
untuk menghadapi dunia
dengan penuh keyakinan.

Apabila Affan melihat ayahnya
gagah dalam seragam biru
rasa bangga menguasai dirinya
menjadi anak kepada seorang tentera laut.

000

Affan yang melihat ibu dan ayahnya
sedang bersenang lenang di ruang tamu
terus mendekati kedua cinta hatinya itu.

Satu surat yang berisi
jemputan ibu bapa untuk menghadiri
majlis di sekolahnya diserahkan
sebagai makluman kepada mereka berdua

Satu majlis gah gemilang
akan dilaksanakan
bertempat di sekolah Affan
melibatkan semua warga sekolah
termasuk ibu bapa.

“Affan harap ibu dan ayah
dapat menghadirkan diri ke majlis ini,
Affan akan melakukan satu persembahan
khas untuk ibu dan ayah”
Affan berkata sambil melihat
Ibu bapanya dengan mata yang bersinar.

Affan melihat mata ayahnya tekun
meneliti kandungan surat jemputan itu.

Melihat tarikh yang tertera
respon positif terus ditunjukkan.

000

“Apa yang sedang
kamu lakukan anakku”
Affan yang sedang fokus membaca
mengalihkannya kepalanya
mencari sumber suara tersebut.

Affan tersenyum manis
dengan lesung pipit
menghiasi wajahnya
apabila melihat wajah ayahnya
yang turut sama tersenyum kepadanya.

“Affan sedang berlatih
untuk persembahan pada majlis itu nanti,
Affan harap ayah akan gembira
melihatnya nanti”
Soalan ayahnya dijawab dengan nada teruja.

Affan melihat mata bundar ayahnya
galak merenung dirinya dengan
senyuman menghiasi wajah
satu pandangan yang sukar
untuk Affan tafsirkan.

000

Helikopter yang terbang tinggi di udara
bagaikan burung yang terbang bebas di udara
telah bersedia memukau ratusan mata
namun dalam sekelip mata
pada jam 9.32 pagi
dua helikopter bertembung di udara
mengorbankan 10 nyawa.

Bumi Lumut membawa
kisah pilu dan duka
sepuluh jiwa yang sedang terbang bebas
kini terbang lebih jauh
meninggalkan dunia fana ini.

Langit tiba - tiba gelap
seakan menghamparkan kesedihan.
tangisan kesakitan
kekecewaan dan kesedihan
menjadi latar bunyi.

000

Di bawah langit yang kelam
dunia Affan seakan terhenti
kedatangan ibunya ke sekolah
dengan linangan air mata
yang tak henti keluar
seolah - olah membawa satu berita buruk.

Kata - kata yang keluar dari mulut ibunya
membuatkan Affan menggelengkan kepala
mata dan telinga ditutup
berharap apa yang didengarinya itu
hanyalah mainan tidur

Apabila Affan membuka matanya
berharap dia akan berada di biliknya
di atas katilnya.

Namun, yang dilihat
hanya pandangan simpati
dan belas kasihan
dari mata – mata
yang berada di sekelilingnya.

Pelukannya ketat dari ibunya
membuatkan Affan sadar
semua ini bukan mimpi
ayahnya telah menghadap Ilahi.

000

Di atas pentas yang bersinar
Affan berdiri dengan gagah
dan penuh harapan
mempersembahkan sebuah puisi
dengan seluruh jiwa.

“Kau masih mejadi inspirasi hidupku,
meski kini kau tidak lagi berada di sisiku”
Affan mengakhiri persembahannya
dengan mengalunkan bait terakhir puisi
dengan rasa pilu yang tak terungkai.

Bunyi tepukan gemuruh
memenuhi dewan sekolah
Affan melihat jauh ke hadapan
melihat wajah ibunya
yang tersenyum manis
berbaur pilu.

Sepasang mata
yang sepatutnya hadir bersama
melihat, mendengar
dan menghayati bait – bait puisi
yang didendangkan Affan
tidak dapat menghadirkan diri
kerana sudah berada di alam yang berbeza.

Insan tersebut bergelar ayah.

Pada setiap teguran yang diberikannya
Ketegasan yang dipamerkan
Affan sedar tersimpannya
kasih sayang yang mendalam.

Kini hanya doa yang mendalam
menjadi perantara keduanya.

Nota Kaki:

1. https://ms.wikipedia.org/wiki/Kemalangan_helikopter_Lumut_2024

Biodata



Nurul Natashah Binti Mahir atau lebih mesra disapa sebagai Natashah. Lahir di Hospital Medinah, Kota Kinabalu, Sabah pada 26 September 2002. Merupakan anak kedua daripada empat orang adik beradik. Kini menetap di sebuah kampung yang terletak di daerah Putatan.

Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Kampung Contoh Petagas dan seterusnya meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan. Kini, Natashah melanjutkan pengajiannya di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya (IPGMKG) dan akan menamatkan pengajian sebagai seorang guru yang memegang sijil Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Bahasa Melayu. Mula menceburi dunia penulisan sejak bergelar siswa guru di IPGMKG. Natashah turut menyumbang puisi esei dalam buku antologi puisi esei yang berjudul, "Mengganti Ibu Menjadi Lilin" ini.

SELAMAT TINGGAL DUNIA



Oleh: Nirah Wahyuni Juara dan Casper

(Pada 4 Ogos 1926, seorang penyanyi soprano yang terkenal dan kekasihnya menjadi kisah tragedi percintaan yang sangat tragis di Korea)

“Aku tidak setuju, bagaimana mungkin
segalanya disebut cinta?
Cinta sejati adalah lautan tak bertepi,
memberi tanpa henti,
seperti hujan yang tak mengenal waktu.”

Yuna teringat kisah Seraphina
dan Casper.

Mata Seraphina bertaut
pada pandangan Casper
diamnya seolah mengguncang
langit jiwa.

“Mengapa kau menerobos
masuk tanpa mengetuk?”
suaranya keras seperti batu karang
menghadang ombak.

Seraphina Armand, 25 tahun
mahasiswa seni vokal di Naira Universiti.¹
bertemu Casper Jovy
penulis sastra Inggris di Waseda Universiti,”²
seperti jembatan yang menyatukan
dua pulau yang terpisah.

“Salam kenal, kita akan berkolaborasi
dalam panggung teater ini.”
mata mereka bertemu
seperti langit dan laut di cakrawala,
waktu melunak, menyulam pandangan pertama
menjadi benang halus mukadimah.

000

Di tengah deras hujan,
pintu rumah Casper diketuk
sunyi menyahut, pintu terbuka tanpa suara
Casper tertidur, dibelenggu sakit tak terlihat. Seraphina datang
memetik bait puisi
dalam lagu yang menyelinap
di celah hening bisu.

“Apa yang sedang kau lakukan?”
suara Casper terbit lemah.

“Dengar khabar kau sakit
aku bawakan bubur yang hangat
untukmu.” jawab Seraphina.

Mata mereka bertemu
dalam pandangan tanpa kata
sebelum berpaling untuk pergi
dan menjauh.

Casper menatap kepergiannya
dengan senyum lembut,
mengiringi perpisahan
yang tak terucap.

000

Yuna terus menyusur galur cerita
dua merpati yang sering beriringan
dalam naskhah cinta itu.

Seraphina tersenyum
berdiri menatap sebuah kedai
menjual piring hitam
Ombak Danube oleh Ion Ivanovici,
lagu kegemarannya
bergema di udara.

“Apabila aku menulis untuk lagu
kata-kataku menjadi nyawa

bagi orang lain dan aku menulis
sehingga bintang-bintang
menjadi kering.”
Jiwa Casper bersinar

000

Ketika berita tersebar
tentang seorang penulis
meninggalkan dunia
bersama kekasihnya
sunyi membeku di udara.

“Aku doakan yang terbaik
untukmu, Casper.”

Tapi kata-kata itu tidak bersambut
titisan embun pagi sirna
bersama harapan.

Matanya digenenagi kesedihan
dua bintang yang enggan berpisah
akhirnya terlerai
dalam pekat malam.

000

Pada tahun 1926
Seraphina menyinar
di hadapan aristokrat ³

Tiba-tiba dia terpandang
bayangan Casper
dan segera mengejarnya

Mereka berlari-lari di taman
berbual seperti dua bintang
di langit malam.

Tetapi Casper telah tiada
hari demi hari
mereka tidak lagi
bergandingan tangan.

“Wahai Casper, angkatlah penamu
kerana aku terpesona dengan tulisan
indah yang menyeri lagumu.”

Tetapi kata-kata itu terus
tidak bersambut
kerana Casper telah tiada
untuk melihat senyum manis
dan mata indah Seraphina.

“Bermohonlah untuk tidak
meninggalkanku.” Ada suara lirih
terlepas di bibir Seraphina.

Suara itu seolah-olah menusuk
dalam gegendang telinga Yuni

Tetapi air mata terus berguguran
seperti hujan
tak berkesudahan.

Kedua-dua pasangan itu
akhirnya tenggelam
dalam laut duka.
000

Pada 4 Ogos 1926
kapal laut dari Korea menuju ke Osaka ⁴
sebelum berlepas, Seraphina melafazkan
kata lembut kepada adiknya,

“Terdapat sedikit wang tunai
di bawah almari, berikan kepada ibu.”

“Selamat tinggal adikku
yang tersayang”

Senyuman Seraphina
bak purnama suram
tapi suaranya serak
bak menanti takdir.

Dalam bayangan Yuni kini
Casper dan Seraphina
berdiri berdampingan
Seraphina dalam gaun merah menyala Casper dalam sut hitam

Di tengah ruang dek kapal
lagu *Ombak Danube*⁵ berkumandang
mengimbau cinta yang sirna.

“Selamat tinggal dunia.”

Nota Kaki

1. <https://historicwomendaily.tumblr.com/post/633269008682156032/yun-sim-deok-윤심덕-was-born-in-pyongyang-in-1897>
2. https://en.wikipedia.org/wiki/Yun_Sim-deok
3. https://en.wikipedia.org/wiki/Kim_U-jin
4. <https://www.britakan.com/hiburan/pr-2007642124/hymn-of-death-kisah-cinta-penyanyi-sopran-korea-yang-berakhir-tragis>
5. https://en.wikipedia.org/wiki/Waves_of_the_Danube

NOKTAH SEWOL



Oleh: Nirah Wahyuni Juara

(Pada 16 April 2014, kapal feri Sewol yang membawa pelajar sekolah menengah dan tenggelam saat dalam perjalanan dari Incheon ke Jeju.)

Ahri terpaku di tepi jendela
merenung jauh ke dalam malam
mengimbas kembali masa perit.

“Aku merinduimu, sekalipun melihat
fotomu, aku tetap merinduimu.”

Ahri menunduk kepalanya
air mata menitis di pipi bagai gerimis
seakan diri terperangkap dalam gelap
hampa seorang diri.

“Ahri, bukankah kamu ingin menjadi guru?”

“Mimpiku memang ingin menjadi guru
tetapi selepas kejadian itu
aku bertekad hendak menjadi doktor.”

Kenangan bersama teman-teman
mengusutkan hatinya.

“Aku ingin membantu mereka di luar sana
yang memerlukan pertolongan perubatan
tapi aku gembira kau telah mencapai impianmu.”

Sebenarnya, kenangan itu masih segar
bagaikan luka yang tidak pernah sembuh.

000

Pada 16 April 2014, Langit mendung
memberi amaran¹
kenangan hanya menaiki feri bersama kawan-kawan
kembali menjelma
seolah-olah terdengar ketawa gembira
terkilas bermain bersama dengan bahagia
seolah-olah dunia ini milik kami.

Esok harinya, berlakulah malapetaka itu
bagaikan ribut tiba-tiba mengocang kehidupan.

“Hera, feri kita semakin condong
cepat pakai jaket keselamatan.”
Ahri segera menelefon ibu dan ayahnya
suaranya gementar, takut dan panik
tiada henti.

Semakin lama, feri semakin tenggelam
suara teriakan meminta tolong
seperti seruan dari jurang kegelapan.

Ketakutan mula menyelubungi
ombak bergelora
menghentam feri dengan amarah.
Ahri memegang tepi feri,

“Hera! Jangan lepaskan tanganku.”

“Ahri, lepaskan! Jaga dirimu
semoga kita bertemu lagi.”

Air mata deras mengalir di pipi Ahri,
tidak dapat menyelamatkan Hera
dan teman-teman.

000

Ahri terselamat menaiki bot kecil, menjejak kaki di tepi laut
memeluk ibu dan ayahnya.

“Ibu, suasana di sana sangat menakutkan
Ahri tidak mampu menyelamatkan Hera.”

air matanya mengalir deras.

“Tidak mengapa, Ahri
segalanya akan baik-baik sahaja.”

Ahri duduk termenung di penginapan Jindo,
melihat berita feri yang dinaikinya
lebih banyak yang hilang daripada terselamat.

Keadaan huru-hara
sungguh menyayat hati.
kamera bagaikan pemangsa
siap sedia merakam detik peristiwa ²
tanpa menghiraukan kesedihan pelajar.

Kapten Woojin
hanya pentingkan diri sendiri
bagai bayangan tidak bertanggungjawab
telah dipenjara selama tiga puluh tujuh tahun
bersama kru feri ³
mengabaikan amanahnya
bagai meninggalkan tanggungjawab
di tengah laut.

000

Tanggal 7 Januari 2017 ⁴
tidak akan lupakan
dan sentiasa ingatan.

Apabila bertemu di masa hadapan
ingatlah masa kami berusia 18 tahun.

Setiap tahun, masyarakat Korea
mengadakan peringatantentang tragedi feri Sewol
sebahagian keluarga mangsa mengalami traumaseperti luka yang tidak
pernah sembuh.

Warna lambang kuning menunjukkan simbol
peringatan tragedi feri Sewol,
beberapa lagu, buku, dan filem dihasilkan
sebagai peringatan
untuk menjaga memori
seolah-olah bayangan tragedi yang takkan pudar.

000

Hari demi hari, tahun silih berganti
Ahri semakin tua
masa tak pernah berhenti.

Di tepi laut, angin dan ombak bagai penari sekeluarga bermain, riang
yang abadi
meniup rambut yang terurai
seperti benang emas.

“Aku merindukan mereka
berapa malam lagi yang harus kulalui
Untuk bertemu denganmu, Hera
dalam mimpi yang terindah.”

“Ahri, apa yang berlaku
adalah takdir Tuhan
dan Hera pasti bangga
melihatmu berdiri di sini
walau waktu terus melangkah.”

Ahri memandang suaminya
senyumannya penuh arti
kehidupan bahagia
dalam keluarga kecilnya
terpancar seri.

Butir salji berjatuhan
seperti ribuan bintang jatuh dari langit.

Hari demi hari
takdir kita pasti bertemu lagi
dalam riak waktu.

Hari cerah akan tiba
mengusir kegelapan yang lalu.
tiada musim yang kekal
tiada kesedihan yang abadi.

Kerinduan Ahri, meronta-ronta dalam hati
seperti ombak yang tak pernah henti
memukul pantai.

Memori itu
tersimpan dalam jiwa
penuh harapan.

Nota Kaki

1. <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2024/04/1235485/rakyat-korea-selatan-masih-mencari-jawapan-10-tahun-selepas-tragedi-feri>
2. <https://www.gettyimages.com/photos/sewol-ferry>
3. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/kapten-feri-sewol-korea-selatan-yang-karam-dijatuhi-hukuman-penjara-36-tahun-48168>
4. <https://news.detik.com/foto-news/d-7297256/potret-haru-korea-selatan-peringati-10-tahun-tenggelamnya-kapal-feri-sewol>

Biodata



Nirah Wahyuni binti Juara, yang lebih dikenal sebagai Nirah, dilahirkan di Hospital Medical Centre, Kota Kinabalu, Sabah, pada 17 Julai 2003. Beliau memulakan pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Saint Peter Telipok sebelum meneruskan pengajian menengah di Sekolah

Menengah Saint Peter Telipok. Kini, Nirah sedang melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah dalam program Sarjana Muda Sastera Seni Kreatif. Nirah aktif berkecimpung dalam bidang seni penulisan dan kesenian sejak usia muda. Salah satu pencapaian utamanya adalah menjadi finalis Youth COVIdEO Contest pada tahun 2021 di mana beliau meraih tempat ketiga di peringkat Asia Tenggara. Dalam pertandingan tersebut, Nirah menghasilkan karya penulisan yang kemudian diolah menjadi sebuah lagu dalam bentuk video. Selain itu, beliau turut menyumbang sebuah puisi esei dalam antologi berjudul "Mengganti Ibu Menjadi Lilin" yang memperlihatkan kemahiran dan dedikasinya terhadap dunia penulisan kreatif.

DALAM INGATAN AMANI



Oleh: Fatimah Minggu

(Pada 5 Jun 2015 berlaku gempa bumi di Gunung Kinabalu, Sabah. Gempa bumi yang berukuran 5.9 pada skala richter itu telah menggoncang gunung berkenaan)

“Cepat bergerak, kalau tidak
kau akan jauh ketinggalan.”kata Safuan,
sahabat karib Amani, yang sedang
setia menunggunya
untuk mendekati mereka
yang semakin hampir di puncak
Gunung Kinabalu..

Safuan sedar akan kedudukan Amani
yang ketinggalan jauh di belakang
berbanding dirinya sendiri
serta ahli rombongan yang lain.

Sejak tadi dia tidak berhenti mendaki
meski kesakitan pada kedua belah
anggota kakinya mulai menyucuk.

Amani merasa rintik-rintik air mutiara
mulai membanjiri dahi dan pipinya

Sakit itu bukan seperti yang dia
Sering hadapi ketika memanjat
anak tangga batu
sewaktu pergi ke pejabat
atau bukan juga bukit-bukit kecil
yang sering menjadi pusat latihan
buat dirinya.

Kesakitan yang dihidapinya itu
jauh lebih perit berlipat kali ganda
berbeza dengan latihan persediaannya
berbulan-bulan sebelum ini.

Gunung gergasi di Asia Tenggara
yang menyimpan memori suka duka
para pendaki dari pelbagai negara itu
telah bersedia menjadi salah satu ikon kebanggaan orang Sabah.

Ini Gunung Kinabalu.

000

Sudah sejauh ini perjuangannya
tapi mengapa pula dia ingin berhenti
di tengah perjalanan.
Jangan menjadi seperti seseorang
Yang melepaskan peluang bagai melepaskan batok di tangga
mandi biar basah
dengan semangat baharu
Amani cuba mengejar semula
haluan rombongannya.

Suara semangat mulai kedengaran
membangkitkan jiwa yang lelah
siulan burung-burung bermain
di halwa pendengaran.

“Semangat! Semangat! semangat!
Dan teruslah semangat. Biar jitu“
Sorakan gembira kedengaran jauh
dari atas puncak gunung
menjadi pembakar diri tanpa henti.

Khabar baik buat Amani
dan rombongannya itu
disampai kepada Amani
kerana dia sudah semakin
menghampiri puncak Gunung Kinabalu.

000

Angin lembut menampar pipinya
semakin lama, semakin kuat.

Jaket tebalnya tidak mampu
memberikan kehangatan
seratus peratus buat dirinya.

Dalam kelelahan, Amani masih
memberikan tumpuan terhadap persekitaran.

Sedari burung-burung menjadi peneman sudah hilang
pergi entah ke mana
Barangkali pergi berehat.

Langit mulai redup.

Aku bergoncang?
Tidak, bumi ini yang bergoncang
kiamat?
Barangkali, tapi aku belum bersedia!

Suasana yang gembira
bertukar cemas
ibarat langit biru bertukar kelam.

sorakan telah bertukar
menjadi pekikan memohon bantuan.

Ada yang tergolek
Ada yang terhimpit
Ada yang hilang entah ke manamujur Amani masih selamat!
Semakin lama, semakin kuat
bumi bergoncang!

“Tiarap Amani!!! “
Teriakan Safuan kedengaran.

Tersentak Amani laju bertiarap
dengan beg sandang yang sarat
dengan barang keperluannya.

Semuanya berlaku begitu pantasseperti kilat menyambar
di waktu hujan.

Minda Amani kosong.
dalam kekalutan
dia hanya mampu berdoa.

Tiada yang mampu menghalang
jika dia menyuruh pulang.

Semakin lama
keadaan semakin sepi.

000

5 Jun 2025, pada tarikh yang sama
di tempat yang sama
namun tahun berbeza.

Amani dahulu bercadang
hendak sampai ke puncak bersama-sama
tapi kini dia berdiri di puncak
Gunung Kinabalu hanya seorang diri.

Sudah 10 tahun tragedi pahit itu berlalu namun masih segar dalam
memorinya
kejadian gempa bumi itu
telah meragut nyawasahabat karibnya, Safuan.

“Aku dah sampai Safuan.
Terima kasih kerana setia
menungguku di puncak ini”

Lirih suara Amani sambil memandang kosong raut wajah Safuan
yang sedang tersenyum bangga
melihat dirinya berjaya menakluki
gunung tua itu.

Dia masih muda
dan tidak dimamah usia
raut wajah Safuan bersih
dalam ingatan Amani.

Nota Kaki:

1. Lihat wikipedia <https://ms.wikipedia.org/wiki>

MALAYSIA SUDAH MERDEKA



Oleh: Fatimah Minggu

(Pada 8 Disember 1941 sehingga 16 Ogos 1945 Jepun menduduki Tanah Melayu)

Petang itu sungguh damai
dedaunan menari mengikut retak angin
yang bertiup lembut ke arah utara.

Samsudin menghirup kopi panas
jenama ‘kapal api’
dan sesekali burung murai berikcau
di kejauhan, di celah dahan
pohon jambu.

Tiba-tiba suara riang kanak-kanak
yang sedang bermain terganggu.
oleh bunyi das tembakan
senapang mainan
yang dilepaskan oleh cucu Samsudin

“Orang jahat mati! Yeeeeiii.... Malaysia merdeka!” Laung cucu
Samsudin sambil berlari gembira.

000

Kalaulah perjuangan semudah itu
alangkah baiknya
para pejuang yang membela
nasib bangsa

Dahulu, kalau perjuangan itu mudah
sudah pasti banyak nyawa
yang dapat diselamatkan.

‘Kesian bapaku’
Samsudin hanya mampu senyum lirih
di hujung bibir tanpa didengar
orang lain, sambil ingatannya menerawang kembali ke zaman silam.

000

“Bapa, aku mahu ikut bapa!. Aku mahu ikut bapa” Laung Samsudin
dari dalam rumah
yang hendak ikut ayahnya keluar.

“Tidak samsudin. Tidak! Kamu tunggu di sini sahaja bersama ibumu.”
Balas ayahnya, agar anaknya itu tidak turut serta.

Dia tahu niat anaknya itu tulus
namun dia merasakan anaknya itu
belum bersedia untuk berdepan
dengan realiti kehidupan
dalam perjuangan bangsa Melayu.

“Tapi bapa, aku benci penjajah! Kenapa bapa percaya janji-janji manis orang Jepun itu?” Jelas amarah kebencian terpancar pada wajah Samsudin.

“Kamu belum bersedia sepenuhnya, wahai anakku. Ini bukan soal kebencian semata, tetapi menuntut bela nasib bangsa. Tunggu sehingga kau betul-betul bersedia, baru bapa akan bawa kamu bersama.”

Biar sejuta kali Samsudin menyatakan hasratnya namun ayahnya tetap menolak.

Kata bapanya, tunggu hingga Kamu benar-benar bersedia.

“Sekarang, kamu harus bantu bapa. Bapa serahkan tanggungjawab bapa di rumah kepada kamu. Tolong jaga ibu dan adik kamu. Bapa serahkan sepenuhnya kepercayaan kepada kamu, Samsudin!”

Ayahnya meletakkan Kedua belah tangannya di bahu Samsudin.

Bagaikan ada peralihan beban yang memberat di kedua belah bahunya.

000

Tanpa menunggu kata setuju atau tidak

ayahnya terus keluar rumah
tanpa berpaling ke belakang.

Siapa sangka, itulah tanggungjawab
terakhir yang diamanahkan kepadanya
dan buat kali yang terakhir juga
untuk dia dan ibunya
menghantar pandang ayahnya berpergian sehingga kelibat ayah
sudah tidak kelihatan lagi.

000

“Ayah, jom masuk. Dah nak menjelang maghrib...” ujar sang anak.

Anak Samsudin turut mendapatkan cucunya yang masih berlari-lari
di tengah halaman.

Umur Samsudin kini sudah
mencecah 78 tahun
jauh lebih tua daripada umur bapanya
semasa masih hidup.

Dia bersyukur kepada Allah
Kerana diberikan umur yang panjang
dan sudah memiliki seorang anak
dan seorang cucu.

Bapa Samsudin sebenarnya
telah terlibat dalam tragedi
keretapi Maut¹
di mana rakyat dipaksa pergi

berhimpun dan melakukan tugas
sebagai buruh paksa
untuk membina landasan keretapi
maut tanpa henti.

Sejak hari pemergiannya tiada berita tentang bapanya.

Sebab itu Samsudin menanamkan kebenciannya yang bukan
kepalang
terhadap penjajah.

000

Walau bagaimanapun
Tiada siapa yang dapat
mengubah takdir.

Siapa sangka dunia yang luas ini
Semakin mengecil menjadi
Hanya seperti sebuah kampung kecil.

Anak lelaki Samduin
akhirnyanya telah berjodoh
dengan wanita asia kelahiran Jepun.

Meskipun ditegah, akhirnya Samsudin
terbuka hati juga menerima hakikat
bermantukan bangsa Jepun
yang sangat dibencinya sejak dulu.

Setelah dipujuk anaknya berkali-kali Samsudin akur dengan pilihan anaknya dan turut akur bahawa negaranya, Malaysia sudah lama Merdeka.

Ya, Malaysia sudah Merdeka.

Nota Kaki:

1. Lihat . sosialis Alternatif. <https://sosialisalterantif.org>. buruh paksa landasan keretapi maut Siam-Burma 1942-1945

Biodata



Fahimah binti Ming, berusia 22 tahun, lahir pada 2 April 2002 di Hospital Puan Medina. Beliau mendapat pendidikan awal di SK Buit Hill dan menyambung pelajaran menengah di SMKA Tun Ahmadshah sebelum melanjutkan pengajian dalam Diploma Pengurusan Hartanah di

Kolej Teknologi Yayasan Sabah. Minatnya terhadap dunia penulisan bermula melalui Program Pelatihan Menulis Puisi dan Esei Anak Didik 25 Tahun ke Bawah bersempena Festival Sastera Antarabangsa Malaysia Madani 2024 yang dianjurkan oleh Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA). Program ini menjadi landasan utama bagi beliau untuk mengasah bakat dan mengekspresikan ideanya melalui bidang penulisan khususnya puisi esei. Bengkel itu menjadikannya penulis muda yang berpotensi dan terus berminat dalam bidang penulisan.

HALLOWEEN YANG GUGUR DI ITAEWON

— — —

Oleh: Maria Tan Chia Ying

(Pada 29 Oktober 2022, berlaku peristiwa rempuhan orang ramai semasa perayaan Halloween di Itaewon, Seoul, Korea Selatan.)

Hati Adelia melonjak girang
saat menjejakkan kaki
di bumi Itaewon, Korea Selatan.

Sudah lama menjadi impiannya
terbang jauh dari tanah kelahirannya
dan menikmati makanan kegemarannya
Kimchi.

“Jom kita ke pesta Halloween di
Itaewon malam ini!”
Ajak Adelia kepada Ain.

Enggan mengguris perasaan
dan teruja dengan ajakan rakannya itu
Ain menerima pelawaan itu
dengan hati berat
kerana jauh di sudut hatinya,

bagai ada suatu bisikan yang
menghalangnya untuk pergi
ke acara sambutan Itaewon malam itu.

000

Itaewon¹,
sebuah pusat hiburan malam
yang kaya dan hangat
dengan pesta meriah.

Lorong jalan yang gemerlapan
tidak pernah sunyi
meskipun waktu semakin beranjak
jauh ke dalam yang gelap pekat
sebelum siang.

000

Namun, tidak diketahui
Oleh sesiapa bahawa malam
yang sepatutnya menceriakan itu
bakal menjadi satu kenangan
yang pahit dalam sejarah hidup
Adelia dan Ain.

Malam itu,
ditemani kemilau lampu-lampu
merah kuning

ribuan kelip-kelip
menghiasi langit malam
di jalan Itaewon,

Satu demi satu, rentak cahaya
semakin cerah sesuai gendangnya.

Cahaya menerbitkan
sinar pada mata
mereka menyusurnya sambil
sibuk bercengkerama.

000

Lama-kelamaan,
lorong jalan semakin dipenuhi
oleh kahdiran orang ramai
yang bersesak bak semut.

Mereka berasak-asakkan
bertolak-tolakan
menuju lorong sempit
yang semakin mengecil
dan akhirnya menjadi perangkap maut.

Menyedari keadaan ini,
Adelia dan Ain seperti lipas kudung
bergerak ke tepi
meninggalkan Kawasan sesak
yang berbahaya itu.

20 minit setelah pukul 10 malam,
 berlaku rempuhan² ngeri
 di sepanjang lorong Itaewon
 yang akhirnya telah menggemparkan
 seantero dunia.

Lorong yang berkeluasan
 45 meter panjang dan 4 meter lebar
 kini penuh dengan raungan
 dan tangisan meminta tolong.

“Tolong kami!
 Tolong kami!
 Selamatkan kami!”

Suara yang meminta pertolongan itu
 semakin kuat sebelum akhirnya
 lemah tiada berdaya.

Orang ramai mulai tersungkur
 dan tertindih di antara satu sama lain
 mereka berlapis-lapis.

Keadaan itu seolah-olah
 suatu permainan domino.
 di mana wajah-wajah pucat
 berkeliaran.

Ada yang dihipit
 Ada yang menghimpit

Ada yang ditolak
Ada yang menolak.

Tolak menolak!
Himpit menghimpit!

Adelia dan Ain.
terus berusaha dan ingin bernafas
mengeluarkan tangan ke atas
kerumunan orang ramai.

Mereka berharap
bantuan keselamatan
akan segera sampai

Mwereka berharap
ada yang menggapainya.

000

Ketakutan semakin menyelubungi
Adelia dan Ain.

Mereka menyaksikan tragedi itu
di depan mata sendiri
dengan jiwa yang kacau
kerana tiada daya untuk menolong
tetapi hanya mampu berteriak
dan memanggil bantuan.

“Tolong, tolong! Sesiapa tolong mereka!”
Teriak mereka dengan sekuat hati.
Malangnya, hanya sayup kedengaran
kerana ditenggelami bunyi jeritan
mangsa-mangsa yang terseksa.

Kekacauan yang berlangsung itu
bertukar tenang
selama berjam-jam
tiada apa yang dicapai.

Malah, tanpa ada tanda-tanda
untuk berhenti
pasukan penyelamat yang tiba
sukar membantu semua orang.

Orang ramai yang berada
di tepi jalan bermati-matian
membantu menyelamatkan
mangsa yang cedera.

Dengan kudrat yang masih tersisa,
Adelia dan Ain
turut ikut serta membantu.

000

Malam semakin larut
masa terus berlalu.
jalan yang mulanya hidup
dengan lampu terang

kini malap seperti diselebungi
bayang lembaga gergasi hitam.

Jalan masih bergegar
dengan pelbagai suara
yang memberi trauma kepada
jiwa, emosi, mental dan fizikal.

Mata mulai berkaca-kaca melihat
kerumunan mangsa yang bertindih
sehingga mencecah 15 meter itu.

Adelia dan Ain tidak lagi dapat menolong
kerana keadaan semakin kacau-bilau.
Kekalutan itu telah meragut seluruh
tenaga mereka.

Hanya doa dan tangisan sedih
yang mampu diiringkan
untuk semua mangsa ketika itu.

Esoknya, liputan berita mengenai
tragedi itu tersebar luas
sepantas kila.

000

Cendawan tumbuh selepas hujan
ke seluruh media lokal mahupun global.
dilaporkan 156 orang maut
dan lebih 170 orang cedera.

Terngiang-ngiang lagi di telinga
suara jeritan dan raungan sadis
yang memenuhi Itaewon
dan kepala Adelia dan Ain
gementar.

Sesungguhnya, peristiwa itu
tidak dapat dilupakan
kerana telah terpahat dalam memori
sebagai kenangan terpahit
yang pernah dialami
sepanjang hidup.

Nota Kaki:

1. [https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Itaewon#:~:text=Itaewon%20ialah%20sebuah%20kawasan%20\(ding,yang%20bertugas%20di%20Korea%20Selatan.](https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Itaewon#:~:text=Itaewon%20ialah%20sebuah%20kawasan%20(ding,yang%20bertugas%20di%20Korea%20Selatan.)
2. https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Rempuhan_Halloween_Itaewon

Pengarah IPG Kampus Gaya
Kota Kinabalu.

MENGGANTI IBU MENJADI LILIN

Oleh: Maria Tan Chia Ying

(Pandemik COVID-19 telah melanda seluruh dunia termasuk Malaysia bermula pada tahun 2020. Kesannya, Perintah Kawalan Pergerakan telah dikuatkuasakan selama hampir 2 tahun. Semua sekolah hanya menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.)

“Siapa lagi yang mahu
mendidik mereka melainkan ibu?”.
Kata-kata ibu terlintas di
fikiran Mairah saat melihat
foto-foto lama ibunya dalam album.

Mairah menyelak lagi beberapa
helai foto yang mengimbau masa lalu
air mata menitis berjatuhan
membasahi wajahnya.

“Ibu, Mairah rindu akan ibu.
Kenapa ibu tinggalkan Mairah
seorang diri di sini?”.
Tangis Mairah dalam hati.

Sejak kehilangan bapanya akibat
kemalangan jalan raya sewaktu
umurnya lima tahun dahulu,
ibulah satu-satunya tulang belakang
sandaran hidup Mairah.

000

Pagi itu bertarikh 27 Mei 2021,
sinar mentari menyapa dengan indah.
awan berarak perlahan-lahan
bak kapas putih melayang-layang
menghiasi langit biru seluas lautan.

Terdengar suara kicauan burung
lunak dan sedap di telinga
mewujudkan suasana tenang
di sekitar rumah Mairah.

Ketenangan itu dipecahkan oleh
suara ibu yang sedang sibuk mengajar
murid-muridnya dalam kelas talian.

Ibunya seorang guru
berusia 50 tahun
yang berkhidmat di sebuah
sekolah Negeri Bawah Bayu.

Mairah menuang air ke cawan
kosong ibunya sambil mengamati
tiap kedut wajah pucat ibunya

yang masih ketara walaupun
adanya solekan tebal.

Namun, riak wajah yang ditatap itu
masih kelihatan berseri dengan
senyuman yang sentiasa menghiasi
wajah ibu semasa mengajar.

Mairah amat hormat akan ibunya.
Ibu tidak pernah putus asa dalam
mengajar anak muridnya.
Kegembiraan jelas terpancar tiap
kali menjalankan kelas dalam talian.

Begitulah gemarnya ibu pada
profesionnya sebagai seorang guru.
Walaupun sakit, ibu masih tetap bertenaga,
tidak ingin berhenti menjalankan
tugasnya dengan penuh amanah.

000

Suara ibu yang serak mengajar
sambil menatap murid-murid
di hadapan skrin laptop
sesekali diiringi dengan
bunyi batuk yang telah
berterusan sejak 3 hari lalu.

Hal ini merunsingkan hati Mairah.
Ditambah lagi dengan suhu

badan ibu yang turun naik
menimbulkan rona merah
pada wajah pucat itu.

Ujian sendiri yang dibuat
tempoh hari mengesahkan
kewujudan virus COVID-19¹
yang bermaharajalela di
dalam badan lemah ibu.

Sudah dipaksa beberapa kali
ke hospital untuk mendapatkan
rawatan, malah diabaikan begitu
sahaja oleh ibu ibarat bercakap
dengan tunggul kayu.

Ibu beralasan bahawa penyakitnya
akan sembuh tidak lama lagi
hanya dengan memakan ubat panadol.

Mairah beredar ke dapur
sambil menggeleng kepala mengingat
sikap ibunya yang tidak mendengar
nasihat seperti mencurahkan
air ke daun keladi.

Helahan nafas yang berat
dihembuskan daripada mulut
biar didengari ibunya tanda
protes akan sikap acuh tak acuh ibu.

Seketika kemudian,
“BUK!”.

Hentakan kuat seakan-akan
ada yang jatuh jelas kedengaran
dari arah ruang tamu tempat ibu.
dengan rasa ingin tahu,

Mairah mengorak langkah ke ruang tamu
sambil memanggil ibunya.

“Ibu! Kenapa tu ibu?”.

Tombol pintu ruang tamu dipulas
perlahan-lahan.
Daun pintu ditolak dengan
lambut sehingga terbuka dengan luas.

Ada skrin laptop hitam tanda
sudah dimatikan di atas meja.
Saat mata melihat ke lantai,
Mairah terpaku.
“Ibu!” panggilnya kuat.

Susuk ibu yang terbaring kaku
dengan mata yang terpejam rapat
segera dirapatinya.

Menggigil tangan Mairah memegang ibu.
Detak jantung yang normal tadi kini
berdegup kencang seolah-olah akan
keluar daripada tubuhnya.

Takut, cemas dan risau.
Itulah perasaannya ketika itu.
Mairah pangku kepala ibunya dan beberapa

kali menggoncang tubuh kaku itu.
“Ibu... Ibu....” panggilnya lagi.

Masih tiada respon.
Air mata yang ditahan sudah mengalir
deras seperti air terjun.

Mairah segera mencapai telefon pintarnya.
dalam keadaan cemas, syukur masih ada
secebis tenaga untuk membuat panggilan kecemasan.
Tergagap-gagap dia memberitahu alamat rumah.

000

Dalam masa 20 minit, ibu kini
selamat tiba di hospital dan sedang
dirawat oleh doktor dan jururawat.
Mairah menunggu di luar bilik rawatan
dengan harapan dan doa semoga
ibu selamat.

Setelah menunggu sejam, akhirnya
seorang doktor keluar.
Mairah dengan sepantas kilat menghampiri
doktor itu dan bertanya tentang keadaan ibu.
Setiap butir perkataan yang keluar
daripada mulut doktor seperti
telah meragut seluruh tenaga Mairah.

Dia terduduk. Buntu. Sebak. Dia cuba
untuk mencerna berita yang didengarinya.

“Ibu!!!” raungannya memenuhi
seluruh ruang hospital.
Ibu dah tinggalkan Mairah.
Kini, dia rasminya sudah menjadi anak
yatim piatu buat selama-lamanya.

Doktor mengesahkan kematian
ibu pada jam 1.13 petang.
Rupa-rupanya ibu sudah berada dalam
keadaan kritikal sejak sehari lalu.
Puncanya adalah serangan virus COVID-19
yang sudah memakan tubuh ibu dalam
kadar yang cepat sekali mengakibatkan
ibu berada dalam tahap yang amat teruk.

Perasaan kesal menyelubungi Mairah.

“Kalaupun aku cepat membawa ibu
ke hospital, ibu masih boleh diselamatkan.”
Bisiknya dalam hati.
Hari itu juga, jenazah ibu
selamat dikebumikan.

0000

Mengingat kembali kejadian itu,
Mairah sedih, namun tidak mahu meratapi ibu
kerana dia tahu bahawa ibu tidak suka
melihatnya sebegitu.
Terbit rasa bangga dan terharu kerana
ibu pergi dalam keadaan berbakti.
Sebagai seorang pendidik yang menggalas
tanggungjawabnya dengan penuh tekun dan amanah.
“Guru yang baik itu ibarat lilin, sentiasa
membakar dirinya demi menerangi jalan
murid-muridnya.”

Itulah kata-kata ibu
Yang masih dipegang erat oleh Mairah
sehingga sekarang.

Kini, Mairah sedang melanjutkan
pelajaran untuk menjadi seorang guru.
Dia ingin mengikuti jejak ibunya.
“Doakan Mairah, ibu. Agar berjaya menjadi
guru dan pendidik seperti ibu kelak.”
Monolognya dalam hati.

Nota Kaki:

1. https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Pandemik_COVID-19_di_Malaysia

Biodata



Maria Tan Chia Ying atau lebih akrab dipanggil Maria, berumur 20 tahun, berasal dari Papar, Negeri Bawah Bayu Sabah, Malaysia. Maria telah menamatkan sekolah rendah di SJK(C) Sen Ming Papar selama 6 tahun dan 5 tahun sekolah menengah di SM St Joseph Papar. Saat ini, Maria meniti perjalanan akademik

peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan impian menjadi seorang guru Bahasa Melayu yang berinspirasi di Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya Kota Kinabalu. Selain pendidikan formal, Maria juga mulai menunjukkan minat mendalam dalam dunia penulisan sastera, khususnya dalam puisi esei. Sebagai seorang pelajar yang baru berjinak-jinak dalam dunia ini, Maria bersemangat untuk menyuarakan pemikiran serta perasaannya melalui kata-kata, menjadikan setiap karya sebagai cerminan jiwa dan identiti dirinya.

TRAGEDI HITAM

Oleh: Norhatirah Marjik

(Pada 31 Disember 2023, Mayat seorang wanita tanpa kepala yang disumbat ke dalam plastik dan tong sampah ditemui dalam longkang di Kampung Tanjung Rimau, Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka.)

Jauzi datang menyapa Kadir
yang kehilangan adindanya tercinta
raut wajahnya penuh hampa.

Matanya bertakung titisan air mata
mulutnya bisu
dan berkata sepatah-sepatah.

Apakah nasib yang menimpa
mereka sekeluarga
perginya Raisah
dalam keadaan tragis
menggemparkan Malaysia.

“Jauzi... Jauzi ? Terima kasih
kera.na sudah datang melawat”.

000

“Jika diberikan 10 bidadari
tetap Raisah pilihan hatiku.
Bagaimana nasib anak-anakku
wahai sahabat”
Jauzi melihat Kadir
dengan mata sayu.

“Malang tidak berbau,
sebagai ketua keluarga
tetaplah kuat demi anak-anak
yang akan beranjak dewasa kelak.”

“Sungguh kejam perbuatan mereka
sungguh kejam, Jauzi
mayatnya ditemui berlumuran darah
tubuhnya tidak cukup sifatnya
Manusiakah mereka
memperlakukan sesama manusia sebegitu”

“Sungguh mengesankan hati
penderitaan yang Raisah rasakan
Pada 26 Disember 2023.

Raisah pergi untuk bekerja
Di SK Kota Masai 3
Pasir Gudang, Johor¹

Tak disangka Jauzi,
Itulah hari terakhir Raisah
bersama kami sekeluarga”

Jauzi melihat tangan Kadir
yang gementar
Namun Kadir meneruskan
topik Bersama.

31 Disember 2023 merupakan tarikh
yang sangat menggamit jiwa
penemuan mayat seorang wanita
tanpa kepala dalam tong sampah
yang berada di longkang
kampung Tanjung Rimau
Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka.

Kau tahu Jauzi
sebaknya aku
pedihnya menusuk kalbu
mendengar khabar
mayat itu adalah Raisah adindaku.

Tidaklah Tuhan menguji
kesabaran seseorang
jika dia tidak mampu menghadapinya.

Kau lelaki yang kuat wahai sahabat
kau juga seorang bapa
dan suami yang bertanggungjawab.

Tiadalah dayanya
selain daripada mendapatkan
keadilan untuknya
nasihat Jauzi kepada sahabatnya.

Lalu dengan nada
yang seakan amarah
dan dengan pandangan mata
yang berkaca-kaca
Kadir berkata sesuatu.

“Sepandai-pandai tupai melompat
akhirnya jatuh ke tanah jua
keadilan semakin terungkap
Terungkap apabila didapati.”

Sepasang suami isteri
tertangkap di Perak
suspek lelaki itu
merupakan kenalan
mangsa semasa zaman
di pengajian tinggi”

Jauzi melihat mata Kadir
yang tadinya berkaca-kaca
mulai gugur membasahi pipi\
satu persatu
sekuat tenaga lelaki dewasa
yang pasti ada tangisnya.

000

Dengan nada sayu Jauzi bertanya,
“Setiap yang terjadi pasti ada
alasan dan justifikasi,²
mengapakah mereka sampai

pada anggapan itu
atau sanggup bertindak kejam
sedemikian?”

“Jika badai sebabnya angin,
tragedi ini harta dunia
menjadi sebabnya
tak habis kufikir wahai sahabat
gilanya mereka terhadap harta dunia
sehingga leka dengan azab
yang akan menjelma”
Jauzi menjawab dengan lemah.

Angin bertiup perlahan
menyentuh suasana
Jauzi tak mampu
untuk mengungkapkan kata
terhadap Kadir
selain memberikan nasihat dan pendapat.

Jauzi melihat ketiga-tiga anak Kadir
yang sedang duduk diam
menonton Televisyen.

Anak pertama Mia Azzahra 9 tahun
anak kedua Najmi Khairi 9 tahun
anak bongsu Wafa Wajiha 4 tahun.³

Bagaimana nasib mereka
belum beranjak dewasa
diuji dengan kehilangan ibunda tercinta.

Perginya ibunda mereka
yang menuntut keadilan
untuk membela nasibnya
yang tidak bernyawa.

“Tiada siapa yang menjadi ikutan
baik-baik sahaja
selepas perginya orang tersayang
Bagaimana anak-anak kau Kadir?
Adakah mereka dapat menerima kenyataan”
Jauzi memulai perbincangan baharu
tentang anak-anak Kadir.

“Raisah seorang ibu yang penyayang
Ibu yang bertanggungjawab
sangat terkesan bagi mereka
kehilangan ibunda tercinta
terutama Mia Azzahra anak sulung
yang sudah mengenali dunia sepenuhnya
sehingga tidak ingin pergi ke sekolah
dek rakan-rakannya yang kerap
bertanya tentang kehilangan ibundanya.”
“Memang berat untuk kamu
sekeluarga menerima hakikat
Engkau janganlah turut tenggelam
dengan kesedihan yang berlebihan
Kasihani anak-anak engkau
yang juga turut murung dengan kesedihan
Pergilah hirup udara luar agar emosi
anak-anak dan kau semakin pulih.”
Jauzi memberikan saranan.

Jauzi tahu pahitnya
untuk mereka sekeluarga
terpaksa pasrah dan redha
dengan ketentuan illahi.

Seperti termakan pahit empedu
namun ketentuan Tuhan
tiada siapa yang tahu
hanya mampu ikhlas dan redho.

000

“Berjumpa kita dilain hari
Jika ada masa untuk saling menasihati
Semoga tetap tabah meghadapai sendiri
Anak-anak yang telah kehilangan ibundanya”
Kata Jauzi menutup bicara.

Nota Kaki:

1. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1285836/suspek-kes-bunuh-kerat-cikgu-istiqomah-didakwa-isnin-ini?utm_source=BHWhatsAppChannel&utm_medium=Traffic&utm_campaign=News
2. <https://ecentral.my/cikgu-istiqomah/#:~:text=Setakat%20ini%20apa%20yang%20diketahui,pada%20bulan%20September%20tahun%20lalu>
3. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283722/dia-seorang-isteri-yang-taat>

PETANG JINGGA

Oleh: Norhatirah Marjik

*(Pada 19 Julai 2024, sebanyak 18 buah rumah hangus terbakar di
Kampung Kuala Abai, Kota Belud, Sabah.)*

Nairah bersimpuh di pondok usang
bertemankan petang jingga
serta ombak yang menderu
ketika dia tiba-tiba tergamam melihat
kepulan asap tebal
naik ke udara.

“Ya Allah! Api! Kebakaran!”
jerit Nairah kalut.

000

Warga kampung berlari
menyelamatkan diri
suara tangisan bergema
di seluruh kampung
ketika melihat rumah mereka
kian merak dijilat api.

Alangkah rusuhnya
suasana petang itu
18 buah rumah hangus
musnah sepenuhnya
dalam sekelip mata.

“Apakah nasib mereka selepas ini?
Di mana mereka hendak tinggal?
Barang keperluan dan pakaian seharian
musnah sempurna.”
Kata Nairah simpati
di tengah-tengah suasana haru-biru.

000

19 Julai 2024
adalah tarikh tragedi malang
yang tidak dapat dilupakan.

“Rumah Mak Cik Salmiah,
adik kandung ibuku
turut terbakar musnah
dan keluarganya kehilangan
tempat berteduh.” suara Nairah lirih.

Terlalu pantas api meyambar
sehingga sebuah kampung kini,
hanya tinggal puing debu.

Lebih 234 warga kampung
daripada 58 keluarga¹
jadi mangsa tragedi kebakaran
dan kini hanya tinggal
sehelai sepinggang.

000

Sebelum ini, setiap petang jingga
kampung Kuala Abai meriah
dengan suara kanak-kanak
yang berkejar-kejaran
di halaman rumah bahagia
dan bergurau senda
antara satu sama lain.

“Tetapi kini apakah mereka
masih boleh berbahagia?
Apakah mereka masih boleh
membina rumah Impian, kembali?”

Entah mengapa
hati Nairah sebak
memikirkan nasib yang menimpa mereka.

Kata orang, kebakaran itu berpunca
daripada pintasan elektrik
yang berlaku tanpa parmit
tetapi menukar struktur kampung
dengan cara yang sungguh dahsyat.²

Angin kering bertiup kencang
manakala api itu cepat merebak
membakar seluruh kampung
menjadi padang jarak padang tekukur.

000

Nairah menghampiri Mak Cik Salmiah
yang menangisi rumah mereka
yang sudah musnah dijilat api.

“Aku hanya seorang penjual ikan,
kini rumah musnah tinggal abu
tiada lagi tempat berlindung
untuk meneruskan kehidupan.”
Mata Mak Cik Salmiah sayu
Dan berkaca-kaca.

Nairah turut menghulurkan simpati
meminta keluarga Mak cik Salmiah
agar terus tabah dan bersabar
dengan dugaan yang menimpa.

000

Alangkah pilu rasa hati
memikirkan nasib malang yang menimpa
adik kandung ibuku yang diuji
dengan tragedi itu.

“Tuhan meerancang,
pasti ada hikmah
di sebalik musibah ini
hanya doa dipanjatkan
agar dipermudahkan
segala urusan, Mak Cik sekeluarga.”
kata Nairah pada Mak Cik Salmiah.

“Tak kusangka
Mak Cik menghadapi ujian ini.
tapi berat mata memandang
berat lagi bahu memikul.
nasib baik tiada kemalangan jiwa
yang berlaku dan melibatkan
keluarga Mak Cik.”

000

“Ambillah masa untuk bertenang, Mak Cik
sehinggal keadaan kembali tenang
pasti ada yang membantu memberikan solusi
buku-buku sekolah yang terbakar
bukan disengajakan.
Pasti ada yang ringan tulang
untuk membantu nanti.”

Ujar Nairah sambil memandang
suaminya penuh hiba.

Suaminya hanya seorang nelayan
dengan pendapatan
tidak seberapa.

Kais pagi, makan pagi
kais petang makan petang
untuk membiayai kos sara hidup anak isteri
di tengah-tengah kerancuan ekonomi
yang tak menentu.

“Tapi, jangan bimbang Mak Cik
pasti ada pihak berkenaan
yang akan membantu dan mencari solusi
memastikan semua mangsa dilindungi
takdir memang tidak dapat diubah
bagaimanapun, tidak akan diuji
setiap hamba itu melainkan
bersesuaian kemampuan hamba itu
menghadapinya”

Dengan kata-kata berkenaan
Nairah memeluk Mak Cik Salmiah erat
penuh simpati
di bawah selimut petang jingga itu.

Nota Kaki:

1. <https://www.astroawani.com/videos/awani-borneo-x7ko9t/hilang-tempat-tinggal-mangsa-kebakaran-rayu-bantuan-x91vkfk>
2. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/674125>

Biodata



Norhatirah binti Marjik atau lebih dikenali sebagai Hatirah. Lahir di Kota Belud Sabah pada 16 Disember 2002. Berasal dari Kampung Sembirai, Kota Belud. Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Sembirai dan meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan

Pekan 2. Sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah Kota Kinabalu dalam Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian (Seni Kreatif) major penulisan, pernah melanjutkan pendidikan Pra Diploma Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan 1 dalam aliran Sains Sukan. Sebagai seorang mahasiswi dalam major penulisan, maka pernah berkecimpung dalam penulisan kreatif seperti puisi, penulisan cerita rakyat, buku cerita kanak-kanak, penulisan Skrip dan cerpen.

RINDU PADA TANAH ASAL

Oleh: Muhd Hanif Imran Sabir

(Pada 27 September 2022 seorang anak muda, bernama Shahrulnizam Yusof mengembara ke kampung Sangkir Kota Belud)

Iqbal duduk di bawah
langit jingga, merenung senja.

Dia mengenang kembali
kampung halamannya
yang jauh dari kota.

Di tepi sawah
dia menghirup udara segar
dengan mata terpejam.

Zaman kanak-kanaknya dahulu
dia selalu bersama sahabat karibnya
Shahrulnizam Yusof
bermain di batas sawah.

Ah! Kenangan itu
kini muncul kembali
apabila sahabatnya itu
menghantar beberapa keping foto

tentang keindahan sawah padi
kampung Sangkir Kota Belud.

Tiba-tiba Iqbal teringat
dia dan Shahrulnizam
berlari bebas tanpa rasa risau
di atas batas sawah
sambil menatap gunung Jerai
di Kedah.

Kenangan itu sebat
dalam jiwa, rindu terukir utuh
di tanah asalnya
tidak terperi.

000

Ingatan Iqbal pada ayahnya
semakin menebal
dahulu tiap pagi
dia menjinjing cangkul.

Kata ayah Iqbal penuh makna
„Tanah ini, tempat kita berpijak,
adalah nyawa kita.
Nyawa orang Melayu.“

Wajahnya keras
Tapi penuh keikhlasan.

Iqbal mengangguk
tanda faham
namun, masih muda untuk mengerti
akar asal-usulnya.¹

000

Namun, kisah bandar mengubah hidupnya
dengan tekanan dan kesibukan
lupa tanggungjawab
dan lkata-kata ayahnya.

Dia makin jauh dari asal-usul
tanah leluhur
dan jauh dari sahabatnya.

Hutan konkrit yang dihuninya
menggantikan kuning emas padi
yang melambai.

Kebisingan mengambil alih
keheningan malam
di tengah perbatasan.

Namun dalam belaian
kemewahan moden itu
ada sesuatu yang hilang
tak mampu diganti
oleh kilauan material.

000

Iqbal nekad untuk pulang
untuk mencari semula dirinya
mencari jati diri
yang tenggelam di hutan batu kota.

Melihat pemandangan yang dirakam
Oleh sahabatnya di kampung Sangkiru
menjentik hatinya untuk pulang
menjejakkan kaki semula
di kampung halamannya
di kaki gunung Jerai.

Di sana, di bawah langit terbuka
di atas tanah subur itu,
dia merasa tenang,

Seluruh jiwa dipeluk alam
deru angin dan bau tanah
basah selepas hujan.

“Bawalah aku kembali kepada
siapa diriku yang sebenarnya.
Walaupun ayah sudah tiada.”

000

Dia teringat kisah sedih itu
Waktu itu telefon di pejabatnya
berdering.

„Encik Iqbal, ada telefon,
penting dari kampung.”

Wajah cantik setiausahanya
muncul di balik daun pintu.

„Sekejap Sarah!
saya sedang mesyuarat”
Ada rasa kesal mengganggunya.

Setelah mengetahui
kisah yang sebenar
Iqbal meraung dan menyesal

Kini Iqbal berlari menuju
rumah ayahnya
tapi lengang, tiada siapa di sana.

“Ayah! Ayah!” Laungannya
wajahnya basah, dengan airmata.

“Mereka sudah di kubur”
Jerit seorang kanak-kanak
di atas basikal.

Iqbal terus berlari.

000

Dunia Iqbal terasa gelap
sepantas kakinya berlari.

Iqbal mahu menatap wajah ayahnya
buat kali yang terakhir.

“Tolonglah aku, Tuhan.” rintihnya.

„Ayah maafkan Iqbal
maafkan Iqbal, Ayah”
Airmata jantannya
tidak lagi segan
dihamburkan
ke khalayak ramai.

Tanah kuning pusara
Ayahnya digenggam

„Tuk, aku ingin menatap
wajah ayahku ”

Mata Ketua Kampung
dan puluhan mata lain menatapnya
suasana hening
tiada satu pun kata
terucap dari bibir mereka.

000

Sebahagian dirinya
tidak pernah hilang
walaupun dia telah
tinggalkan desa ini.

Pemandangan sawah
luas terbentang
di hadapan matanya
terukir seribu satu makna.

Setiap petak sawah,
setiap parit yang dibina
dengan penuh ketekunan
adalah bukti usaha
dan dedikasi generasi terdahulu.

000

„Aku tahu, nanti
kau akan kembali ke bandar
tapi kau bawalah bersama
kekuatan dan semangat yang telah
kau tanam di sini”.

Kata-kata ayahnya menusuk jiwa
membuatnya termenung jauh
dalam meneruskan kehidupan.

Rindu pada tanah asal
bukan hanya sekadar nostalgia
tetapi adalah panggilan
untuk menghargai akar asal usul
yang membentuk siapa dirinya.

Nota Kaki:

1. Kampung Sangkir, Kota Belud, Sabah, Malaysia. <https://www.sharulnizam.com/2022/09/dari-kampung-sangkir-ke-tamu-pasar-kota-belud-sabah.html>

AIR MATA SUNGAI MEKONG



Oleh: Muhd Hanif Imran Sabir

(Pada 15 August 2023. Banjir besar dan tanah runtuh melanda Laos, ribuan rakyatnya terjejas dan beberapa orang mati termasuk seorang wanita.)

Mie Vang seorang anak kecil
dan kampungnya terletak
di pinggir Sungai Mekong
yang indah permai.

Sungai Mekong yang berliku
tetapi penduduknya tetap hidup
penuh aman damai.

Aliran air sungai itu
Setiap hari mengalir
membawa rezeki dan harapan.

Di sana, ada petani membajak sawah
nelayan melabuhkan jala
dan kanak-kanak yang bermain
di tepi sungai,

000

Pada suatu malam yang gelap
tanpa bintang di langit
tiba-tiba alam menghantar
peringatan yang keras
bahaya datang tanpa dijemput.

Sungai Mekong
yang selama ini tenang dan damai
tiba-tiba menunjukkan
wajah yang berbeza
merusuh dan mengalirkan air mata
yang meragut nyawa ibu Mie Vang.

Airnya naik dengan cepat
menyapu segala
banjir ganas melanda kampung Mie Vang,¹
menghanyutkan rumah, tanah, dan harapan.

Seluruh penduduk
bergegas meninggalkan rumah
berlari mencari tanah atau Kawasan
yang lebih tinggi
bagi mendapatkan perlindungan
di tengah kekalutan.
dan kegelapan malam.

000

Mie Vang menangis tanpa henti
teriakan ibu-ibu kedengaran
di mana-mana mengharung banjir

“Ibu di mana? Di mana ibu?
Ibu, mari kita lari ke puncak bukit.
Selamatkan diri,”
Kata ayah Mie Vang
tenggalam timbul
sambil meredah arus banjir.

Ayahnya terus berteriak
suasana haru biru
diburu ketakutan.

Simfoni kesedihan
bergema di mana-mana
Mie Vang tidak pernah menyangka
sungai yang memberikan kehidupan
kini merampas segalanya
malah merampas nyawa ibunya
yang dikasihi dan dicintai
dalam sekelip mata.

000

Pagi yang tiba sepatutnya membawa cahaya
tetapi kenyataannya sungguh menyakitkan
sawah padi dan perkebunan
kini berbedak dengan salut lumpur
yang menyeleputi wajah perkampungan.

Sekeliling hanya
menggambarkan kemusnahan nyata
rumah yang selama ini

menjadi tempat berteduh
kini tinggal rangka tak bererti.

Mie Vang menjenguk di sekitar
sawah-sawah yang dahulu subur,
segar dan hijau
kini tertutup oleh selut dan kerikil.

Ayahnya hanya diam
membisu seribu bahasa
melihat kampungnya yang musnah
dan kehilangan orang yang tersayang.

Namun, meski masih berduka cita
Mie Vang terus cuba bangkit
memberikan semangat
kepada ayahnya
agar mengubat kesedihan
dengan bangkit memulihkan semula
kehidupan.

000

Dengan tenaga yang masih tersisa,
orang kampung mula membina
perkampungan mereka
sedikit demi sedikit.

Mengangkat kayu
mendirikan semula
dinding-dinding yang roboh.

Nelayan kembali ke sungai
melemparkan jala
ke dalam air yang masih keruh.

Mie Vang tetap berharap,
di sebalik amukan bencana itu
ada cahaya dan masa depan
yang lebih baik
sedang menunggu.

000

Bertahun-tahun telah berlalu
tetapi kenangan itu tetap segar
di ingatan Mei Vang
dan penduduk kampung.

Dia berkata dalam hati
“Sungai Mekong
walaupun pernah menghancurkan,
dan meragut nyawa ibu kesayangannya
Tetapi tetap menjadi sumber kehidupan,”

Mie Vang dan orang kampung
yang dahulu pernah kehilangan segala
kini kembali hidup penuh kesedaran.

Bahawa alam ini wajar dihormati
bukan ditakluki.

Penduduk kampung belajar
untuk hidup bersama
bukan menentanginya.

Mie Vang mempelajari
kedamaian ditemui
dalam setiap aliran air
dan rentak angin.

Setiap langkah mereka
di tepi sungai
adalah saksi air mata dan harapan
yang kini hanya menjadi
bahagian kisah gelap
penduduk kampung
yang tidak berulang lagi.

Mie Vang menatap
kampung halamannya yang kecil
di tepi sungai itu.

Di kejauhan dia melihat
bayang wajah ibunya
tersenyum penuh cinta

Nota Kaki:

1. banjir sungai mekong di Laos, Vientiane. Lihat <https://www.hmetro.com.my/amp/global/asia/2023/08/997845/penduduk-sepanjang-sungai-mekong-diminta-waspada-banjir>

Biodata



Muhd Hanif Imran Bin Sabir. Lahir di Hospital Puan Medina, Kota Kinabalu, Sabah pada 1 Mei 2005. Kini menetap di sebuah kampung di daerah Penampang, di Sabah. Memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan surati, Penampang, dan seterusnya meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tansau, Penampang, Sabah. Kini, Hanif melanjutkan pengajiannya di Kolej Teknologi Yayasan Sabah dan akan menamatkan pengajian sebagai seorang guru tadika. Berkecimpung dalam bidang penulisan sejak bergelar siswa dan telah menghasilkan sebuah cerpen kanak-kanak dalam kursus Penulisan. Selain itu beliau juga turut menyumbang dua buah puisi esei yang termuat dalam buku antologi puisi esei "Mengganti Ibu Menjadi Lilin" ini.



PUISI ESAI

KAKAK ASUH



DI MANA JALAN PULANG

Oleh: Jasni Matlani

(Pada 12 Disember 1950 rusuhan berlaku di Singapura. Puluhan ribu orang keluar di jalan raya. Sentimen agama bergema dan membakar seluruh bumi Singapura.)

“Jangan lepaskan tanganku!
Aku tidak mahu pergi.”

Natrah meraung
mengenggam tangan Mansor
sekuat tenaga.

Dia tidak mahu berpisah
dengan keluarga angkatnya
dia tidak mahu pergi
meski jasad bercerai badan.

“Aku mahu pulang,
bersama ibu dan ayahku...”
Tangisnya makin menjadi.

000

24 Mac 1937 Natrah dilahirkan
sebagai seorang Katholik
nama asalnya Maria Huberdina Hertogh.

Ayahnya Adrianus Hertogh
seorang sarjan tentera Belanda, Indonesia.

Ibunya seorang Serani
keturunan Scotland
dibesarkan di Jawa.

Semasa perang dunia kedua
ayahnya ditahan tentera Jepun.

Tahun 1945, Jepun kalah
dan ayahnya dibebaskan
lalu pulang ke Belanda.

000

Disebabkan mempunyai ramai anak
ibunya menyerahkan Maria
kepada Che Aminah
yang tinggal di Bandung.

Dia menjadi seorang Islam
dengan nama “Natrah”.

Tetapi keadaan di Indonesia
zaman awal kemerdekaan
sungguh tegang.

“Ganyang penjajah!
hantar mereka pulang
ke Belanda!”

Laungan itu bergema
membakar bumi Indonesia merdeka.

Natrah yang berkulit putih
berdarah Belanda
dibawa lari ke Terengganu
agar tidak dibunuh
warga Indonesia merdeka.

000

Subuh itu Natrah
naik kapal laut
bersama ibu angkatnya
ke Terengganu.

Kepalanya dibotakkan
tubuhnya dilumur minyak hitam
agar mengelirukan
pihak yang hendak membunuhnya
kerana darah Belanda
yang mengalir dalam tubuhnya.

000

Di Terengganu
hidup mereka aman damai
sehingga British
mengarahkan Che Aminah
membawa Natrah ke Singapura
dan menyerahkan kepada British
dengan bayaran pampasan
500 dolar Singapura
tapi Che Aminah menolak.

“Natrah bukan untuk dijual.”
Air mata Che Aminah bergururan
bagai gerimis pulang senja.

000

British memaksa Che Aminah
meletakkan Natrah tinggal
di bawah jagaan
Jabatan Kebajikan masyarakat, Singapura.

Sebulan tinggal di pusat penjagaan itu
Natrah kemudian diletakkan
di bawah jagaan
Konsul Jenderal Belanda, Singapura.

Che Aminah tidak berputus asa
Tabung Natrah's Legal Aid Fund
ditubuhkan.

Persatuan Kebaikan Muslim Singapura
membawa kes itu ke Mahkamah
dan menang.

Natrah bebas sepenuhnya
pada 28 Julai 1950.

000

Natrah semakin dewasa
dan berkahwin dengan Mansor Adabi
kerana cinta.
Tapi perkahwinan itu tidak diiktiraf British
dengan alasan Natrah
masih di bawah umur.

Akhbar Belanda, Elsevier Weekbald
menyiarkan berita perkahwinan itu.

Warga belanda marah
lalu ibu bapa kandungnya
mahu mendapatkan kembali Natrah
yang diIslamkan orang Melayu.

The Bertha Hertogh Committee (BHC)
ditubuhkan untuk membawa kembali Natrah
kepada keluarga kandungnya, di Belanda.

Komiti itu disokong oleh Ratu Belanda.

000

20 November 1950
hak penjagaan Natrah
kembali bergema di mahkamah.

Keluarga kandung Natrah
datang dari Belanda
dan menang perbicaraan itu
Che Aminah pengsan
Natrah meraung

“Suamiku, bawa aku pulang
walau dengan apa cara
sekalipun.”

Tetapi itulah kali terakhir
Mansor melihat Natrah
tanpa sebarang ucap
selamat tinggal.

000

Pada 12 Disember 1950¹
puluhan ribu orang keluar di jalan raya
sentimen agama bergema
membakar bumi Singapura.

18 orang mati
173 orang cendera

termasuk orang kulit putih
Melayu dan Cina.

119 kenderaan musnah
773 orang ditangkap
5 orang dijatuhi hukuman gantung
sampai mati.

Itulah rusuhan menentang penjajah
paling besar, kerana campurtangan
penjajah dalam hal ehwal agama Islam
dan orang Melayu.

000

Natrah kemudian dibawa pulang ke Belanda
dengan kawalan ketat polis
di sepanjang perjalanan ke pesawat
Natrah terus menangis.

“Mansor, tunjukkan aku jalan pulang
di mana jalan pulang.”

Tetapi sampai akhir hayatnya
Natrah hanya tinggal di Belanda
tidak pernah bertemu Mansor.

Nota Kaki:

1. Lihat Wikipedia. <https://ms.wikipedia.org>. rusuhan Natrah....

MENCARI AL-KARIM

— — —

Oleh: Jasni Matlani

(Pada 16 November 2023, Sasterawan Negeri Sabah dan Penerima Anugerah SEA Write 2015, Datuk Jasni Matlani meraikan harijadi ke-61. Waktu itu dia membayangkan suasana harijadinya ke-96, pada 16 November 2058)

Pagi 16 November 2058

Dewi merayakan hari lahir suaminya
yang ke-96.

Di atas meja warna kuning telur
ada kek red velvet
berhias sebatang lilin
menyala indah.

“Selamat hari lahir ke- 96 abang,
dan tiuplah lilin itu.” Kata Dewi
sambil membimbing tangan suaminya
melangkah hati-hati
dan terketar-ketar, ke meja itu.

000

Setiap tahun, Dewi tak pernah lupa
hari lahir suaminya.

Dahulu sewaktu sihat dan cergas,
dia tak perlu bersusah payah
untuk suaminya.

Kalau suaminya hendak menulis,
dia boleh duduk menulis
di bangku dalam bilik kerjanya
sampai pagi.

Kalau hendak keluar
dengan kawan-kawan
menjadi burung pungguk
yang bertengok di Cafe Rasol
sampai jam dua pagi.

Dia masih boleh memandu kereta
dan mengambil kawan-kawannya
di rumah masing-masing.

Tak peduli suara yang mengolok
di belakang suaminya
“Terus jadi pemandu peribadi
kawan-kawan, sampai tua.”

Suami Dewi biasanya menjawab selamba,
“Biarlah jadi pemandu peribadi sampai bila-bila
dan walau apapun gelaranku. Mana tahu

di syurga nanti ketika bersama bidadari,
dan tiada pemandu peribadi kereta mewahku,
maka kawan-kawanku itu pula
yang akan menjadi pemandu peribadi setiakui
di syurga.” kata suami Dewi
sambil mengenyitkan mata.

Dewi ketawa
mendengar celoteh suaminya.

Entah benar atau tidak
hanya Allah yang Maha Mengetahuinya.

000

Masa terus berlalu
sekarang usia suami Dewi
sudah 96 tahun.

Sebahagian besar kawan-kawannya
sudah pergi selama-lama mendahuluinya
Café Rasol juga sudah ditutup
bertahun-tahun lamanya.

Dewi tahu penderitaan suaminya
Dewi tahu suaminya mahu menulis
Dewi tahu suaminya mahu beraktivitas
mengadakan program festival penulis.

mahu keluar bertemu kawan-kawan di Cafe Rasol
tempat yang menjadi syurga
perkembangan ideanya dalam dunia kreatif
bersama kawan-kawan baiknya
suatu ketika dahulu.

Tetapi malangnya
keupayaan suaminya kini
semakin terbatas
dia tidak mampu lagi berjalan jauh dari rumah
dan sudah terlalu tua untuk beraktivitas.

Daya ingatannya tidak stabil
Demensia makin menguasai
hidup suaminya.¹

Semakin hari daya ingatan suaminya
makin berkurang dan hilang
bercampur-aduk bingung
sesekali amarahnya memuncak.

Dia sudah tidak mampu mengawal dirinya
atau bergerak jauh
apa lagi memandu pada waktu malam.

Kekadang Dewi sebak melihat
suaminya yang murung
fikirannya tidak menentu
setiap hari hendak ke luar rumah.

“Kunci kereta abang mana?”

Suaminya menyelongkar
para-para di dinding.

Kata-kata yang keluar
dari mulutnya hanya ini
“Aku hendak mencari al-Karim,
aku sudah berjanji bertemunya
di Cafe Rasol”

Sedangkan sahabatnya itu
sudah lama pergi.

Dewi sebak
dalam hidup suaminya
hingga di hujung hayat
hanya ada dunia penulisan
dan kawan-kawan setia yang mengelilingi
dalam benaknya.

Suaminya mundar-mandir
kebingungan
kemudian duduk di kerusi sofa
berhadapan dengan televisyen
menonton filem klasik
Mission Impossible: The Ghost Protocol.

Sinaran mata suaminya
bening dan berkaca
ada ukiran senyum lirik
di hujung bibirnya
“Itu Tom Cruise...” terang suaminya.

Dewi menghulurkan air teh panas
pada suaminya
pandangannya lembut ke sisi suami
sambil berdoa jauh dalam hati
“Jika takdir itu datang. Biarlah suamiku
pergi dahulu daripadaku,
agar hidupnya nanti sentiasa bahagia
dikelilingi kawan-kawan setianya, di syurga.”

Lawas
12 Mei 2024

Nota Kaki

1. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Demensia>. Demensia (dari bahasa Latin demens) atau nyanyuk ialah kemerosotan fungsi kognitif akibat kecederaan atau penyakit pada otak melebihi dari apa yang dijangka dalam proses penuaan biasa.

Biodata



JASNI MATLANI (DATUK) lahir di Beaufort, Sabah. Beliau, bersekolah menengah di SM St Paul, Beaufort, SM Toh Puan Hajah Rahmah, Kota Kinabalu. Beliau mendapat ijazah dalam Bidang Pengurusan Awam dengan Kepujian di Universiti Utara Malaysia. Beliau menyambung pengajian di peringkat masters di Universiti Malaya (UM) dan mengkaji puisi esei Denny JA. Beliau sudah menghasilkan lebih 45 buah buku dalam pelbagai genre dan menerima Hadiah Sastera Sabah (HSS) setiap tahun penilaian sejak tahun 1989 sehingga tahun 2020. Buku Kumpulan cerpen beliau *Cerita*

Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo (ITBM:2015) menang Hadiah Sastera Perdana Malaysia, kategori buku 2015/2016 dan Hadiah Sastera Sabah tahun yang sama. Buku beliau *Pemburu Merpati* menerima Anugerah Buku Negara Malaysia, 2014 dan buku Kumpulan puisi beliau *Kenapa Pulau Kami Begitu Sunyi* menang hadiah yang sama tahun 2024. Novel beliau *Pulau Tanpa Cinta* menang Hadiah Sastera Sabah 2015. Manakala buku kumpulan cerpen beliau *Pembunuh Anarki* menang hadiah ketiga Peraduan Menulis buku kumpulan cerpen PENA-ITBM-BERITA HARIAN 2015. Buku kumpulan puisi beliau *Minotaur Yang Bijaksana Dalam Labirin Pulau Kami* menang hadiah Utama Peraduan Menulis Buku Kumpulan Puisi Kuala Lumpur World Book Capital (KLWBC) 2021. Pada tahun 2022, buku kumpulan cerpen beliau *Perempuan Aneh yang Meletupkan Diri di Dalam Gelas* dan buku kumpulan esei *Angin Perubahan: Memperkasa Sastera Melayu di Sabah* dan buku *Memoir Jasni Matlani*, menang hadiah Sastera Perdana Malaysia 2022 bagi kategori buku. Beliau menerima anugearh SEA Write pada tahun 2015, anugerah sastera Mahrajan Sabah 2019 dan penerima Anugerah Sastera Kemanusiaan dan Diplomasi peringkat ASEAN tahun 2023. Beberapa buah buku beliau juga diterjemahkan ke Bahasa Inggeris. Antaranya Kumpulan puisi *Garden Myths* (2023) dan Kumpulan cerpen *The Cow's Head Sketch By Leonardo Da Vinci* (2023). Pada tahun 2009 beliau menerima Pingat Ahli Darjah Kinabalu (ADK), tahun 2014 beliau menerima pingat Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) dan tahun 2017 menerima pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran "Datuk". Kini beliau ialah Presiden Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) dan Presiden Komunitas Puisi Esei ASEAN. Beliau pernah bekerja di Bank Negara Malaysia Kota Kinabalu, dan pejabat Timbalan ketua Menteri Sabah. Pada tahun 2022 beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia. Pada tahun 2024 beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negeri Sabah.

